

**DARIPADA ETHNO ETNIK KEPADA NEGARA SIVIK:
TRADISI DAN MELESTARIKAN;
UMNO DALAM TERAS UPAYA-BINANEGARA BANGSA IDAMAN**

Ku Hasnan Bin Ku Halim

kuhasnan@gmail.com

Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Menurut Sir Winston Churchill Demokrasi adalah satu cara pemerintahan yang paling buruk, namun tidak ada sebarang cara lain yang lebih baik daripada itu. Jean Jacques Rousseau seorang pemikir politik Perancis abad ke 18 pernah berkata jika ada satu masyarakat yang terdiri daripada dewa-dewa, masyarakat itu akan dapat diperintah secara Demokrasi, pemerintahan yang begitu sempurna itu tidak sesuai untuk manusia. Presiden Amerika Syarikat ke-16, Abraham Lincoln (1861-1865) pernah mengungkapkan satu madah masyhur yang berbunyi, demokrasi ini adalah daripada rakyat, untuk rakyat dan oleh rakyat.' Atas nama Demokrasi jugalah makanya kertas ini ditulis bertujuan untuk memaparkan bagaimana sebuah Parti politik UMNO yang berteraskan kepada etnik Melayu, juga merupakan tonggak kepada kerjasama politik Barisan Nasional (BN) dan negara Malaysia di mana presidennya juga merupakan Perdana Menteri tetapi senantiasa melakukan perubahan demi perubahan dan tidak menafikan hak-hak etnik lain di dalam negara yang didiami bersama diwaktu yang sama juga tidak mengenepikan asas dan asal perjuangan parti semenjak penubuhannya. Tempoh jangka masa 66 tahun bukanlah waktu yang lama bagi sesebuah negara, namun dalam tempoh singkat tersebut Malaysia telah berjaya mencapai banyak tanda aras kecemerlangan daripada sebuah negara yang terjajah kepada sebuah negara yang bebas merdeka, daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara industri dan daripada sebuah negara yang rata-rata warganya hidup di kawasan luar bandar dalam kemiskinan kepada negara di mana majoriti warganya di kawasan bandar dan berada di dalam kelas menengah. Parti politik UMNO sebagai sebuah parti politik terbesar memainkan peranan yang sangat utama serta penting di dalam merealisasikan transformasi ini. Kebijaksanaan amat diperlui agar senantiasa berada dihati rakyat dalam urusan mengorban, mencairkan ataupun mengakrabi agar yang dikendong tidak berciciran dan di kejar tak dapat. Menafikan atau sebaliknya, jelas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah berjaya di dalam agenda perjuangannya memperjuang, membina, memperkasa, merundingi-tegas bicara, memelihara dan pada ketika yang sama intipati itu turut di sumbangkan oleh lawan-seterunya atas nama pembinaan negara bangsa yang di idamkan.

Kata Kunci: Politik Etnisiti, Negara Bangsa, UMNO, Integrasi, Kesepaduan, Etnik, Gagasan 1 Malaysia

Pendahuluan

Perkembangan politik di Malaysia merupakan satu fenomena yang sangat menarik untuk dikaji dan dibincangkan. Perbincangan dalam bahagian ini memfokuskan tentang perkembangan kegiatan nasionalisme orang Melayu dan kegiatan politik bukan Melayu sama ada yang diiktiraf ataupun yang tidak diiktiraf oleh pihak penjajah British dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Pada peringkat awal lagi, kedatangan British dalam menguasai dan menjajah negara ini telah dihalang oleh gerakan anti-penjajahan disetiap negeri (Abdullah Zakaria Ghazali, 1982). Jelasnya, walaupun kedatangan British dengan tipu muslihat namun ia sedikitpun tidak menggoyahkan kekuatan politik untuk menentang mereka. Di sinilah muncul wira-wira dalam politik tanah air seperti Dato` Dol Said, Dato` Maharajal Lela, Dato` Sagor, Dato` Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Dato` Abd Rahman Andak, Mat Salleh, Rentap, Rosli Dhoby, Dato` Kelana dan Haji Abdul Rahman Limpong. Sesungguhnya perjuangan tokoh-tokoh terdahulu menggambarkan bahawa kemerdekaan negara ini bukan diperolehi dengan mudah, tetapi sebaliknya dengan berkorban nyawa, darah, keringat dan aor mata (Buyong Adil, 1980). Perkembangan politik di Tanah Melayu disemarakkan dengan kesedaran nasionalisme yang berasaskan kaum yang didorong oleh dasar ‘pecah dan perintah’ British sendiri. Penegelompokan masyarakat di kawasan yang berbeza telah menanam bibit kesedaran nasionalisme. Pada peringkat awal, kegiatan mereka lebih cenderung untuk memperjuangkan kebijakan di kalangan penduduk, tetapi akhirnya bertukar corak menjadi gerakan massa untuk membangunkan masyarakat dan memperjuangkan nasionalisme di kalangan penduduk Tanah Melayu. Kesemuanya mula terkesan pada awal abad ke-20. Kesedaran nasionalisme Melayu juga disokong oleh kerterbukaan minda Orang Melayu yang menerima pendidikan dari dalam dan luar negeri. Jelasnya, golongan ulama telah mencetuskan kepada kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu. Mereka digelar dan dikenali sebagai ‘Kaum Muda’ telah menggunakan pelbagai instrumen dan mekanisme bagi menyalurkan idealisme perjuangan yang berslogarkan “gerakan Islah Islamiyyah” (Mohd Sarim Haji Mustajab, 1982). Akhbar Al- Iman telah dijadikan saluran media utama untuk menyebarkan kesedaran agama, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan orang Melayu (Abd Aziz Mat Ton, 2000).

Sehubungan dengan pendidikan agama menerusi sistem pendidikan madrasah telah berkembang dengan pesat terutamay di bahagian pantai barat Tanah Melayu. Kekuatan pengaruh gerakan ini telah menyebabkan kerajaan British bertindakbalas dengan mengakan pelbagai undang-undang dan peraturan. Mulai tahun-tahun 1920-an, kesedaran politik orang Melayu telah dipelopori oleh golongan guru lulusan SITC dan juga wartawan. Golongan terkenal dari Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian Serdang juga turut terlibat. Selain itu, mulai tahun 1930-an, golongan pentadbiran yang mendapat pendidikan dari MCKK juga melibatkan diri dalam perjuangan menerusi persatuan-persatuan negeri Melayu (William R.Roff 1978). Kesedaran Nasionalisme di kalangan orang Cina dan India juga wujud dan berkembang dengan meluas. Walaupun pada peringkat awal, tumpuan lebih banyak diberikan kepada kegiatan ekonomi, namun lama-kelamaan masyarakat Cina dan India juga sudah mula memberi tumpuan kepada kelangsungan politik mereka di negara ini. Mereka mula menubuhan persatuan-persatuan dan pertubuhan politik yang memperjuangkan kebijakan orang Cina dan India. Bagi politik orang Cina umpamanya, apabila Parti Kuomintang berjaya memerintah China pada tahun 1911, cawangan parti tersebut berjaya ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1912 (Victor Purcell, 1982). Manakala perjuangan persatuan Indai yang awal lebih cenderung menjaga kebijakan masyarakat India dari ditindas dan dieksploitasi oleh syarikat-syarikat perladangan British (Arasaratnam, 1978). Faktor luaran juga mendorong sikap dan pemikiran mereka terhadap politik Tanah Melayu. Kemerdekaan yang dicapai oleh India pada tahun 1947 dan penguasaan Parti Komunis di China pada tahun 1949, telah menyebabkan orang Cina dan India memberi penekanan secara serius terhadap Tanah Melayu. Kerajaan British pula mengiktiraf sumbangan orang Cina dan India negan menubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang

Cina fan India sebelum Perang Dunia Kedua. Pemimpin-pemimpin masyarakat Cina dan India mula dilantik dalam Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan. Ini menggambarkan suara dan penglibatan mereka dalam pembuatan dasar kerjaan sudah mula kelihatan. Namun begitu, secara keseluruhan kesedaran politik dan nasionalisme dikalangan penduduk Tanah Melayu adalah terpisah mengikut kaum yang berasaskan perjuangan bangsa (Cheah Boon Kheng, 1984).

Secara strategik dan evolusi, penjajah British mengatur perancangan untuk menguasai dan mengkloni Tanah Melayu. Pentadbiran British bagi setiap negeri adalah berbeza malah Negeri-negeri Selat yang meliputi Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1826 adalah ditadbir secara terus oleh pihak kerajaan British dan ketiga-tiga negeri ini diiktiraf sebagai jajahan takluk mahkota British iaitu diperintah secara langsung oleh Raja British dan rakyat ketiga-tiga negeri ini dikenali sebagai rakyat British (Barbara Watson Andaya, 1983:182-233). Pihak kolonial British telah menjalankan dasar pentadbiran yang bersifat naungan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (yang ditubuhkan pada tahun 1896) iaitu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Sementara itu, negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor telah disebut sebagai negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Hakikatnya dalam pentadbiran British ini yang dinyatakan tadi adalah bersifat naungan pihak pentadbiran British telah menegekalkan institusi raja-raja Melayu iaitu sebagai simbol pentadbiran negeri. Walau bagaimanapun pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu dipegang oleh Residen dan pegawai-pegawai British, dan Sultan serta wakilnya berhak untuk mengetahui pengisytiharan undang-undang dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Manakala bagi Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu, kekuasaan sultan dan para pembesar lebih kuat kerana pegawai British hanya bertindak sebagai penasihat sultan sahaja. Untuk menguasai sepenuhnya pentadbiran ke atas seluruh Semenanjung Tanah Melayu, kerajaan British telah menggunakan pendekatan dipolmasi ke atas Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu. Pada akhir tahun 1920-an dan 1930-an, jelas memperlihatkan kolonial British mengurangkan pemusatan kuasa ke atas pentadbiran Negeri-negeri Melayu. Kaedah pentadbiran ini dinamakan Dasar Desentralisasi.

Pengenalan kerajaan dan perlembagaan Malayan Union pada awal tahun 1946 memperlihatkan kebangkitan perjuangan orang-orang Melayu menentang cadangan tersebut. Malah cadangan tersebut telah melahirkan kesedaran kebangsaan secara menyeluruh yang tidak dapat dibendung lagi. Reaksi daripada cadangan tersebut. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan negara dan bangsa Melayu. Namun begitu, perpaduan dikalangan orang Melayu adalah tidak kental apabila Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berjuang dengan agenda berlainan iaitu menyatukan Tanah Melayu dengan gugusan kepulauan Melayu yang dikenali sebagai Indonesia Raya.

Perkara yang tidak boleh diketepikan pada waktu ini ialah usaha imigran yang dibawa oleh pihak British secara beramai-ramai untuk mendapatkan kedudukan politik dan kerakyatan dalam negara secara tetap melalui dasar kerakyatan terbuka ‘jus soli’. Malayan Union merupakan suatu sistem pentadbiran dan perundagan kolonial secara terus dari kerajaan Britain. Justeru apabila wujud kesedaran di kalangan imigran ini untuk menduduki Tanah Melayu secara tetap, maka beberapa buah parti bukan Melayu telah bekerja ke arah mencapai matlamat tersebut. Hakikatnya, tuntutan ini merupakan cabaran bagi orang Melayu dan mencetuskan suasana politik yang tidak stabil di Tanah Melayu dalam tempoh 1945 hingga 1948 (Andaya, 1983:295-299). Perkara yang perlu difahami dalam percaturan politik Tanah Melayu ialah suasana kerjasama dan perpaduan yang dianjurkan bagi mewujudkan kerjasama parti-prati perkauman Melayu, Cina dan India, kemenangan telah berpihak kepada parti Perikatan yang membolehkan Tanah Melayu menuntut kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Perbincangan dalam bahagian ini memperlihatkan tuntutan kaum masyarakat majmuk dalam politik

kepartian, kemerdekaan Tanah Melayu, penyertaan Sabah dan Sarawak dalam pembinaan negara bangsa yang akhirnya mewujudkan bangsa Malaysia yang berdaulat berteraskan kepelbagaian etnik di negara ini.

Selayang pandang

Saya dahulu telah berkata, kita hendaklah berbaik-baik dengan bangsa lain dalam pekerjaan mencari nafkah, tetapi di sebalik itu kita mesti ingat bahawa negara ini negara Melayu yang mesti kita utamakan".

- Dato' Onn Jaafar

"Sejarah telah membuktikan bahawa orang Melayu berjiran dengan orang bukan Melayu lebih daripada 200 tahun yang lalu. Kita duduk bersama-sama dan berjiran dengan pelbagai kaum di negara ini.Bagi saya, kejayaan itu memerlukan kepada beribu-ribu kepala, beribu-ribu hati dan beratus-ratus ribu tangan yang perlu digabungkan menjadi satu dan tunggal supaya faedah-faedah dan cita-cita kita itu tercapai dengan sempurnanya".

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Pembinaan Negara bangsa

Proses pembinaan negara-bangsa adalah suatu proses yang berterusan dan tidak boleh dipandang sambil lewa. Selagi model negara bangsa ini menjadi model yang diterima oleh masyarakat untuk menguruskan kehidupan bernegara selagi itulah usaha-usaha untuk mengukuhkannya perlu dilakukan secara serius serta bersungguh-sungguh dengan iltizam yang tinggi. Negara bangsa sepertimana sebatang pohon yang sedang tumbuh membesar ianya harus sentiasa disiram, dibaja dan dijaga dengan rapi agar pohon yang tumbuh membesar itu akan menjadi pohon yang tegap, kukuh dan rendang, dengan akar yang kuat, daun yang sihat, bunga yang mekar dan buah yang segar serta dapat meneduhi semua yang bernaung di bawahnya dan memberi manfaat kepada semua.

Negara-bangsa seperti mana pohon yang sedang membesar memerlukan tanah yang subur dan sesuai untuk memastikan pertumbuhannya itu nanti lancar dan mekar.Sepertimana tanah yang subur tadinya, tapak dan landasan epistemologi di dalam memahami dinamika pembinaan negara-bangsa cukup penting dan sangat diperlukan supaya negara-bangsa yang diidamkan ini dapat direalisasikan dengan setiap kepentingan-kepentingan yang pelbagai di negara Malaysia yang majmuk ini dapat dipenuhi dengan adil dan saksama.

Menurut Suzalie Mohamad (2010), apabila setiap rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, fahaman dan budaya dapat bersatu padu, barulah Malaysia akan terus maju, aman dan stabil dalam segenap bidang serta disegani oleh seluruh dunia. Daripada segi etnografi geografi, Malaysia sebelumnya dikenali sebagai Tanah Melayu memang merupakan kawasan yang paling strategik.Ia dikelilingi oleh gugusan pulau-pulau yang mempunyai budaya penduduk yang hampir sama. Migrasi antara kawasan adalah suatu yang lumrah dan biasa, untuk tujuan perdagangan, menuntut ilmu atau pun hubungan persaudaraan.Justeru itu, Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik dan ragam budaya yang unik. Namun begitu, kejelekitan hubungan etnik di kalangan penduduk di Tanah Melayu tidak dapat dipertahankan, angkara dasar penjajah British yang berusaha memecahbelahkan kesatuan penduduk di negara ini kepada etnisiti, etnografi, polarisasi yang

menyukarkan kepada kesepadan dan solidariti. Senario itu berterusan malah meninggalkan implikasi dan samada secara sedar atau sebaliknya garis nipis etnisiti dan diparahkan lagi dengan etnografi mempengaruhi sosialisasi kehidupan masyarakat Malaysia yang bersifat kemajmukan ini.

Masyarakat pelbagai etnik, budaya, dan agama merupakan ciri utama negara-negara di dunia pada hari ini. Hanya segelintir daripada lebih 192 negara yang bernaung di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bercirikan masyarakat mono-etnik. Persaingan dan konflik antara etnik sering berlaku di negara-negara yang berlatarbelakangkan masyarakat pelbagai etnik. Namun demikian, sejarah juga telah membuktikan negara mono-etnik pun tidak dapat membebaskan diri daripada kejadian sedemikian itu. Ini kerana masyarakat mempunyai kecenderungan untuk mengkategorikan dan menilai sesuatu kumpulan masyarakat yang lain berdasarkan pemikiran dan pemahaman mereka sendiri yang sempit dan terpengaruh oleh pelbagai faktor seperti pengalaman sosial, pembangunan ekonomi-sosial, pendidikan dan sosialisasi terimaan yang mereka terima. Masyarakat juga mempunyai kebiasaan untuk menilai perbezaan antara masyarakat dengan kaca mata budaya majoriti atau budaya tersendiri. Oleh itu, dalam dunia yang didominasi oleh masyarakat pelbagai etnik, adalah wajar untuk membina satu pemahaman yang mendalam dan tepat mengenai teori-teori dan definisi-definisi yang biasa digunakan untuk menilai kumpulan masyarakat yang berbeza seperti budaya, ras, etnik dalam pelbagai aspek untuk mengelakkan daripada berlakunya konflik antara etnik yang lebih dahsyat. Kefahaman terhadap budaya yang menyokong masyarakat yang pelbagai etnik amat diperlukan untuk pembangunan yang harmoni.

Satu elemen penting dalam proses pembinaan negara bangsa adalah budaya politik dan etnografi serta etnisiti. Budaya politik adalah identifikasi terhadap etnik dan bangsa. Sejak awal abad ke 19, teras sesuatu budaya politik dipengaruhi oleh sentimen yang kuat terhadap indentiti. Budaya politik merujuk kepada nilai dan sikap yang dipegang oleh seseorang individu dan masyarakat terhadap objek-objek atau simbol politik seperti institusi pemerintahan, perundangan, birokrasi, kehakiman, parti politik, kumpulan berkesepentingan dan juga pandangan individu terhadap dirinya sebagai seorang aktor atau pelaku politik. Budaya politik ini juga begitu kuat mempengaruhi sistem politik dan mempunyai kaitan yang rapat dengan penyertaan politik. Etnisiti, kelas, bahasa, kasta, kewilayah, gender dan agama merupakan satu sub-budaya dalam budaya politik. Di sesetengah negara seperti Nigeria dan bekas Yugoslavia, konflik politik yang berkaitan ras, kelas, bahasa dan kombinasi daripad faktor-faktor ini seringkali terjadi dan menyebabkan konflik berlaku. Dan kelompok etnik ini mengidentifikasikan diri mereka melalui penubuhan parti politik, penubuhan kumpulan berkepentingan, pembentukan dasar dan yang berkaitan. Budaya politik di Malaysia dapat dilihat daripada refleksi cerminan atau dicerminkan oleh identiti etnik melalui penubuhan parti-parti politik atau pertubuhan kebajikan yang mewakili identiti etnik tertentu. Parti UMNO mewakili orang melayu, MCA mewakili oran cina dan MIC mewakili orang India.

Umumnya juga konsep negara boleh disifatkan sebagai sebagai pentas di mana segala aktiviti politik berlangsung. Manakala kerajaan pula adalah sebagai aktor utama yang mengemudi dan mentadbir urus negara. Justeru itu ruang lingkup dan wadah negara adalah lebih luas dan besar daripada kerajaan. Kerajaan Cuma menjadi sebahagian daripada unsur-unsur negara. Bagaimanapun kerajaan masih tetap penting lantaran tanpa adanya kerajaan, negara akan menjadi huru-hara dan kacau-bilau. Kerajaan mampu mencorakkan perjalanan dan masa depan negara. Bagaimanapun kerajaan tidak kekal atau imuniti sifatnya kerana ia boleh berubah, tetapi negara akan terus kekal selagi kewujudannya tidak digantikan dengan negara yang lain.

Ada beberapa sebab kenapa persoalan tentang negara itu penting. Pada tahap yang paling praktikal, adalah sukar untuk digambarkan dan menggambarkan kehidupan manusia tanpa adanya negara. Negara

dan kerajaan bukan sahaja mewakili satu rangkaian institusi tertentu tetapi juga satu komponen sikap, amalan-amalan dan susunan kod tingkah-laku di dalam satu kehidupan kemasyarakatan yang sering kali dikaitkan dengan tamadun dan peradaban hidup manusia. Negara seperti mana disebutkan adalah pentas politik di mana keseluruhan sistem, kelakuan dan proses politik bergerak dan beroperasi. Pelakon utama di pentas ini ialah kerajaan iaitu sebuah institusi yang tugasnya secara utama untuk mentadbir urus sesebuah negara.

David Robertson (1986) dalam 'Dictionary Of Politics' mendefinisikan negara sebagai keseluruhan sistem politik yang telah ditetapkan yang memiliki peranan berautoriti secara sah di mana kita akhirnya di kawal, diarah dan ditertibkan. Definisi Robertson ini melihat negara daripada dua aspek penting iaitu pertamanya negara mempunyai sejumlah anggota masyarakat yang mendiami satu wilayah tertentu dan keduanya ahli-ahli masyarakatnya yang tinggal di dalam wilayah ini pula terlibat serta tertakluk di bawah satu kuasa berwibawa yang diiktiraf untuk mengawal mereka (peranan autoriti secara sah). Definisi Robertson mempunyai persamaan dengan takrifan terhadap negara yang telah dibuat oleh dua tokoh penting pada abag ke 20 iaitu Max Weber dan Harold Laski.

Weber dalam mengungkapkan pengertian negara menyifatkan negara sebagai:-

".....the human community that (successfully) claims the monopoly of the legitimate use of physical force within the given territory."
(1948;78)

Manakala Laski pula melihat negara sebagai,

".....a society which is integrated by possessing a coercive authority legally supreme over the individual or group which is part of the society. A society is a group of human beings living together and working together for the satisfaction of their mutual wants. Such a society is the state where the way of life to which both individual and associations must conform is defined by a coercive authority binding upon them all.
(1948:8-9)

Pembentukan Negara Bangsa

Pembentukan sebuah negara bangsa adalah merupakan satu tuntutan bagi sesebuah negara, apatah lagi bagi sebuah negara seperti Malaysia yang mana para penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik dan mempunyai latar belakang sejarah yang berbeza-beza. Apabila negara bangsa terbentuk, akanlah lahir sebuah masyarakat yang bersatu padu dan harmoni yang mengstabilkan negara baik dari aspek sosial, politik maupun ekonomi. Usaha untuk membentuk sebuah negara bangsa menuntut jangka masa yang panjang dan bukanlah sesuatu yang mudah. Ini kerana negara bangsa sebagaimana kata Kellas (1991:2) ialah sekumpulan manusia yang merasai mereka sebagai satu komuniti setelah mereka boleh menerima perbezaan sejarah, kebudayaan dan warisan dan asal-usul mereka yang mereka laului (Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009)

Konsep negara bangsa dan usaha pembentukan negara bangsa bagi sesebuah negara mengikut Birch (1989) dalam bukunya Nationalism and National integration, adalah tidak dapat dipisahkan dengan semangat nasionalisme dan perpaduan nasional. Perpaduan nasional yang digandingkan dengan dasar-dasar pemerintah merupakan proses pembinaan negara bangsa. Ini kerana perpaduan nasional yang dibentuk atas kehendak kerajaan adalah bertujuan untuk mengubah sikap rakyat supaya menumpahkan taat setia mereka kepada kerajaan. Bagi mencapai hasrat ini kerajaan menubuhkan institusi yang bersifat nasional dan mengeksploitaskan taktik sosialisasi politik serta berusaha untuk mengnyahkan ketidaksetiaan rakyat yang bersifat parochial kedaerahan dan kesukuan, keetnikan dengan menanamkan perasaan yang bersifat kebangsaan (Birch, 1987;37). Rakyat yang tidak sanggup menjadi warga negara bagi sesebuah negara adalah mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi dan sanggup mati demi negara mereka (Kellas,1991).

Anderson (1991) dalam bukunya Imagined Communities; Reflections of the Origin and Spread of Nationalism juga telah berhujah tentang nasionalisme dan pembinaan negara bangsa.Beliau mengungkapkan pembinaan negara bangsa adalah sebagai komuniti idaman. Bagi beliau komuniti idaman ialah satu konsep masyarakat dalam sesebuah negara berada dalam keadaan sedar yang mereka hidup dalam sebuah masyarakat besar adalah ekoran daripada peranan media massa, sistem pendidikan, dan undang-undang pemerintah (Andersons,1991;32-34). Mereka tidak mungkin bertemu dengan masyarakat lain, tetapi dengan adanya media massa menjadi saluran yang menyatukan pelbagai masyarakat yang berbeza. Fenomena ini timbul dikalangan masyarakat yang mengalami industrialisasi dan modenisasi dan bagi Andersons antara media massa yang beliau bincangkan, akhbarlah yang merupakan wahana yang memberikan impak besar terhadap pembinaan negara bangsa (Ahmat, 2003;135-183).

Pembentukan Negara bangsa merupakan satu agenda yang penting di negara dunia ketiga selepas Perang Dunia Kedua dan senario tersebut turut melanda Asia Tenggara yang dibelenggu dengan pelbagai permasalahan yang diwarisi dari era kolonialisasi Barat.Persoalan-persoalan yang berkaitan dengan identiti serta polisi negara, dasar serta struktur pentadbiran serta sistem ekonomi dan pertahanan sering merencatkan usaha negara-negara berkenaan dalam usaha membina satu identiti serta jata diri yang merdeka.ia dibebankan lagi dengan kewujudan masyarakat pluralisasi yang mempunyai identiti, budaya, agama serta kepentingan yang berbeza. Lantaran itu proses pembentukan negara bangsa dilihat sebagai satu proses yang berterusan dan ia merupakan usaha dalam mencari satu titik pertemuan di kalangan penduduk yang pelbagai etnik bagi menjamin kestabilan serta masa hadapan negara yang dimiliki bersama. Menurut Smith (2000), pembentukan negara bangsa meliputi dua elemen yang penting iaitu pembentukan negara dan pembentukan bangsa. Dalam usaha membentuk sebuah negara bangsa, aspek-aspek seperti struktur politik, sistem politik, sistem ekonomi, soal-soal pentadbiran, penetapan sempadan serta kawasan di bawah lingkungan kuasanya, pertahanan serta keselamatan dalam negara perlu diberi keutamaan(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Manakala dalam proses membina bangsa, satu titik persamaan perlu dicari dalam aspek kerakyatan, budaya kebangsaan, bahasa dan pendidikan perlu diusahakan agar negara bangsa yang dibina itu memenuhi aspirasi serta kehendak semua rakyatnyaBangsa pula ditaknkan sebagai kumpulan manusia yang menetap di satu wilayah, mempunyai tamadun yang dapat dilihat dari segi budayanya seperti bahasa, adat resam, kesenian dan agama serta sistem politiknya yang tersendiri. Kerajaan pada masa ini merujuk kepada tiga badan yang terlibat dalam pemerintahan sesebuah negara demokrasi, iaitu badan perundangan, badan pelaksana, dan badan kehakiman.Bidang kuasa ketiga-tiga badan tersebut dinyatakan dalam perlombagaan negara kita.Pada zaman tradisi, konsep kerajaan di negara kita berbeza

dengan konsep yang digunakan sekarang. Pada zaman itu, kerajaan itulah raja dan raja itulah kerajaan. Perlembagaan ditakrif sebagai kumpulan peraturan atau undang-undang utama sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menentukan organisasi kerajaan, pembahagian kuasa antara badan-badan pemerintah dan prinsip umum yang menentukan bagaimana kuasa-kuasa tersebut dilaksanakan.

Oleh itu, perlembagaan merupakan peraturan yang menentukan bagai-mana sesebuah negara itu ditadbir. Di negara kita, perlembagaan adalah merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi rujukan bagi pemerintahan negara. Undang-undang tertinggi inilah seterusnya yang menjadi sumber bagi menggubal undang-undang lain yang ada di negara kita dan semangat itu diterjemahkan di dalam pinsip Rukun Negara Malaysia dahulu, kini dan pasi selamanya. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum. Usaha untuk menyatupadukan kaum melalui proses pembinaan bangsa perlu dilaksanakan. Proses tersebut bertujuan menyedar-kan warganegaranya tentang harga diri sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat serta mampu membangunkan sebuah negara yang maju. Oleh itu, pembinaan bangsa merupakan usaha bersama seluruh rakyat bagi meletakkan bangsa dan negaranya setaraf dengan bangsa dan negara lain yang maju di dunia. Dalam proses pembinaan bangsa dan negara Malaysia, terdapat empat konsep yang perlu difahami terlebih dahulu. Konsep tersebut ialah negara, bangsa, kerajaan dan perlembagaan. Negara kita dikenali sebagai Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri ini merupakan sebahagian daripada Gugusan Kepulauan Melayu (Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009). Kedapatan terwujud dalam dimensi tiga bentuk pembinaan negara bangsa di dunia ini. Pertamanya negara bangsa klasik tua, keduanya negara bangsa pelbagai budaya dan ketiganya negara bangsa payung anak watan. Kunci dalam mengurus pembentukan negara bangsa adalah penentuan kedudukan indigenity atau anak watan sebagai alat mengikat ahli-ahli penduduk di negara itu yang mesti diterima dan diperakui (Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Bentuk Pembinaan Negara Bangsa Di Dunia

Dua aspek yang sering diberi perhatian; satu adalah pembangunan negara dan kedua adalah pembinaan negara bangsa. Ada tiga bentuk pembinaan negara bangsa di dunia ini. Pertama adalah negara bangsa klasik tua, kedua adalah negara bangsa pelbagai budaya dan ketiga adalah negara bangsa payung anak watan. Kunci dalam mengurus pembentukan negara bangsa adalah penentuan kedudukan indigenity atau anak watan sebagai alat mengikat ahli-ahli penduduk di negara itu yang mesti diterima dan diperakui (Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Pembinaan Negara Bangsa Klasik Tua

Di negara di mana pembinaan negara bangsa bersifat klasik tua, rakyatnya terdiri dari penduduk asal yang memiliki cirri satu suku bangsa, satu bahasa, satu budaya dan satu agama. Identiti setiap rakyatnya adalah sama dengan negara bangsanya. Tidak ada lapisan identiti lain di antara individu dengan identiti negaranya. Namun begitu, negara bangsa klasik tua ini juga tidak bebas dari dilanda perubahan. Ada beberapa negara bangsa klasik ini yang masih bertahan tetapi ada setelah penghijrahan dan globalisasi berlaku telah membuka pembinaan negara bangsa mereka kepada „suku kaum lain“ tetapi perubahan itu masih lagi dalam dimensi asasnya dengan mengutamakan identiti diri berdasarkan satu bahasa, satu budaya, satu agama dan satu suku bangsa. Di Jerman yang mendapat kerakyataan adalah orang Jerman sahaja. Orang Turki yang telah berhijrah ke sana sebelum Perang Dunia Pertama masih lagi di anggap sebagai pekerja tetamu. Tetapi di Perancis pula, anak-anak jajahan yang menguasai bahasa

Perancis di perakui sebagai seorang Perancis walaupun kulit mereka hitam(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Pembinaan Negara Bangsa Pelbagai Budaya

Pembinaan negara bangsa pelbagai budaya terbentuk apabila kelompok manusia berhijrah ke satu kawasan baru dan membina komuniti mereka hingga menguasai tanah, sektor ekonomi, sistem pentadbiran dan politik negara itu.Hal ini boleh berlaku kerana kawasan yang dibangunkan itu tidak mempunyai penduduk yang besar dan masyarakat watan setempat tidak menguasai tanah, sistem pentadbiran dan politik yang kuat dan berpusat.Malah dengan kedatangan komuniti hijrah baru ini ke kawasan mereka, jumlah mereka yang kecil dan pemilikan teknologi perang yang terbatas telah menyebabkan mereka kalah dalam persaingan dan terpaksa berpindah ke pinggir tanah air mereka sendiri, diletakan di tanah-tanah rezab dan sering kali juga berlaku mereka ini diburu dan dibunuhan sahaja. Dalam pembinaan negara bangsa seperti ini, kumpulan hijrah yang menguasai tanah, ekonomi, pentadbiran dan politik negara pelbagai budaya akan membina etos bangsa berdasar liberti, hak asasi, keadilan, kesamarataan dan berbagai nilai universal lain(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Tetapi jika diteliti nilai universal yang dilaungkan itu oleh negara bangsa pelbagai budaya ini, ia didapati terikat dengan kumpulan hijrah yang paling dominan di kalangan beberapa kumpulan yang berhijrah ke kawasan itu. Kumpulan hijrah yang dominan ini akan menentukan bahasa, budaya, agama dan suku kaum yang boleh mencorak setiap aspek masyarakat setempat itu. Walaupun akhir-akhir ini, kumpulan hijrah dominan ini sudah memperakui komuniti watan yang mereka pinggirkan dengan memperakui budaya, bahasa dan kepimpinan anak watan itu, seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan lain-lain, ianya lebih bersifat sejarah dan simbolik sahaja. Ini kerana etos negara bangsa masyarakat pelbagai budaya itu masih didominasi oleh kumpulan penghijrah yang paling dominan di kawasan itu; anak watannya masih menggigit jari sahaja(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Pembinaan Negara Bangsa Payung Anak Watan

Dalam pembinaan negara bangsa payung anak watan pula masyarakat didapati memiliki pelbagai etnik dan kumpulan minoritinya agak signifikan relatif dengan penduduk setempat. Penghijrahan komuniti lain berlaku sebelum negara itu mencapai kemerdekaan dan dirancang oleh penjajah bagi menjadi tenaga buruh di dalam kegiatan ekonomi yang kritikal seperti perlombongan, pembangunan ladang-ladang komersial yang berskala besar dan pembangunan prasarana awam negara itu. Sering kali pembinaan negara bangsa dalam masyarakat payung anak watan ini berjalan di atas dasar integrasi di mana masing-masing etnik dibenarkan mengekalkan identiti kumpulan mereka. Mereka akan tinggal di kawasan yang sama, bercakap dan belajar dalam bahasa ibunda mereka, bekerja di dalam kegiatan ekonomi yang sama dan diurus oleh satu pentadbiran dengan kepimpinan kaum tersendiri berdasar struktur sosial komuniti mereka yang asal (Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Memiliki Identiti dan Etos Negara Bangsa Tersendiri

Setiap bentuk pembinaan negara bangsa menuntut identiti dan etos kewarganegaraan yang tersendiri sebagai asas penerimaan sebagai taraf kewarganegaraannya

Identiti dan Etos Negara Bangsa Klasik Tua

Dalam negara bangsa klasik tua hanya penduduk asal diterima sebagai rakyatnya. Contoh yang terbaik adalah Jerman, Thailand, Perancis, Cina dan lain-lain. Di negara seperti ini suku etnik lain yang berhijrah dan berkerja ke negara mereka tidak akan diterima sebagai warganegara walaupun sudah bergenerasi mereka tinggal di negara itu. Namun ada negara bangsa klasik ini yang menerima suku etnik lain yang berhijrah ke negaranya tetapi dasar pembinaan negara bangsa yang menjadi amalan adalah berbentuk assimilasi; ciri teras anak watan diutamakan. Kumpulan penghijrah ke negara itu mesti menerima bahasa, budaya, agama dan melenyapkan identiti etnik asal mereka sebelumnya(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Identiti dan Etos Negara Bangsa Pelbagai Budaya

Dalam pembinaan negara bangsa pelbagai budaya wacana universal liberti, hak asasi, keadilan dan kesamarataan menjadi nilai unggul yang mengatur masyarakat tetapi ia tertakluk kepada kebaikan kumpulan penghijrah hegemoni yang mempunyai kuasa ekonomi dan politik di negara itu. Di Kanada kumpulan hegemoni penghijrah ini adalah Anglo-Perancis, di Amerika Syarikat Anglo-Saxon berkulit putih Protestan dan di New Zealand serta Australia Anglo-Celtic. Etnik kumpulan hijrah inilah yang akan menentukan kepimpinan, dasardan pembangunan negara setempat. Masyarakat watan hanya menjadi bahan sejarah dan objek pameran di muzium(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Identiti dan Etos Negara Bangsa Payung Anak Watan

Manakala di negara bangsa etnik payung, kumpulan etnik watan akan menguasai sistem pentadbiran, tanah dan menjadi teras budaya setempat. Kumpulan penghijrah lain dibenarkan membina dan memupuk keetnikan masing-masing tetapi dengan memperakui bahasa, budaya, agama dan budaya politik setempat. Ini bermakna pendekatan pembinaan negara bangsa yang diambil berbentuk integrasi di mana setiap etnik itu dibenar untuk memupuk dan membina jati diri kaum mereka. Oleh sebab itu ahli-ahli setiap kumpulan kaum di negara seperti ini akan terbina tahap keetnikannya. Malah isu bahasa, budaya, agama dan kekeluargaan adalah ciri-ciri yang sering digembelingkan apabila ingin mempertahankan kepentingan kumpulan atau semasa manipulasi kumpulan berlaku di mana kepentingan peribadi hendak dijadikan kepentingan kumpulan(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Aliran Pemikiran Etnisiti dan Kecenderungannya-Melihat Kotak atau batas?

Primodialisme, Konstruktivisme dan Instumentalisme adalah merupakan tiga perspektif yang digunakan dalam pemahaman mengenai etnisiti dan mewakili persepsi dan pendirian tersendiri. Secara ringkasnya perspektif primodialis adalah pemikiran yang berdasarkan kepada budaya dan tradisional, bersifat sentimental dan menyifatkan diri mereka berada di dalam satu jaringan sentimen kepercayaan, pandangan hidup dan amal perbuatan. Mengikut perspektif ini primodialis bersifat semula jadi daripada seseorang atau kelompok, wujud secara semula jadi, dianugerahkan semenjak asal kelahiran atau penubuhan kewujudan atau etnosentrik(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).Ia juga cenderung melihat kepada satu yang baku dan kekal. Aliran pemikiran ini juga melihat ikatan primodial sebagai satu rasa yang lahir daripada yang sudah wujud sebelumnya dalam situasi kehidupan sosial.Dan asas primodial ini khususnya dalam etnisiti dapat difahamkan seperti berikut iaitu ikatan primodial adalah semula jadi dan telah wujud sebelumnya,

dirujuk kepada interaksi sosial, diikat oleh hakikat bertalian dengan sentimen. Oleh itu primodial adalah satu realiti sosial yang berlaku secara semula jadi, kekuatan dan keterikatannya memiliki semacam suatu kekuatan dalam dan ianya terhasil daripada proses sosial dan sejarahnya yang tersendiri. Dan ikatan ini juga mengalir daripada rasa spiritual, bersifat timbal-balik, hubungan semula jadi, berasaskan juga kepada pertalian sejarah dan serumpun, kesamaan bahasa, mahupun adat serta istiadat dan skop politik tempatan(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Pemikiran Konsuktivisme pula melihat etnisiti adalah hasil daripada proses sosial dan bukannya pemberian satu budaya, dibuat dan dibuat semula bukannya diterima begitu sahaja, dipilih berasaskan persekitarannya dan bukan diwariskan semenjak lahir.Senario rekonstruk dan merekontruksi berlaku secara berterusan dalam konteks persekitaran persejarian. Apa yang membezakan kontruktivis dengan primodial adalah sesuatu itu khususnya dalam kefahaman etnisiti tidak wujud dalam diri, baku dan kaku atau semula jadi namun lebih bersifat mencair, pilihan yang bebas dan kemudiannya boleh dilihat dan dibina secara berterusan dan lebih kepada tuntutan fenomena sosial serta semasa(Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009).

Pemikiran Instrumentalisme pula memahami kepentingan ekonomi dan politik lebih memainkan peranan utama. Berbanding dengan primodialisme identiti dan etnisiti itu dilihat sebagai kental, padu, padat dan baku, konstruktivisme pula melihat ianya sesuatu yang mencair dan bersifat kepada fenomena sosial, berbeza dengan instrumentalisme ianya melihat bukan semulajadi tetapi boleh diciptakan, dihancurkan atau di bina semula dan ianya bergantung kepada kekuatan politik dan ekonomi. Apabila keadaan dan kepentingan berubah maka yang lain juga akan ikut berubah.

Perkembangan Politik

Perkembangan politik di Malaysia mempunyai sejarah dan asasl-usul yang menarik.Fenomena ini terbentuk dalam kerangka wujudnya masyarakat majmuk di negara bermula pada zaman penjajahan British.Orang Melayu membentuk UMNO sebagai benteng bagi mengekang ancaman-ancaman terhadap hak-hak orang Melayu yang digugat oleh perkembangan Malayan Union yang dirancang oleh pihak penjajah British.Penubuhan MCA pula adalah sebagai tindakbalas kaum Cina terhadap zaman darurat yang melindungi kepentingan serta memberi perlindungan kepada bangsa Cina.Begitu juga dengan MIC yang mahu memastikan mereka tidak diketepikan dalam arus perdana negara, walaupun mereka merupakan golongan minoriti.Perkembangan politik di Malaysia jika ditinjau daripada sudut hubungan etnik memperlihatkan usaha setiap etnik bagi mencapai perpaduan walaupun menghadapi pelbagai onak dan duri dalam mencapai persefahaman dan toleransi antara kaum.

Penubuhan setiap parti politik tetap jelas memperlihatkan isu-isu yang melibatkan kepentingan kaum masing-masing.Namun begitu, pengalaman sejarah menunjukkan isu perkauman tidak boleh diperjudikan semata-mata untuk kepentingan parti dan kaum.Pihak kerajaan perlu bekerja keras melaksanakan sistem pentadbiran dan pemerintahan dengan adil, bijaksana dan berkesan berdasarkan kepada prinsip dan semangat perlembagaan Malaysia yang dikongsi bersama agar seluruh rakyat menikmati hasil kemerdekaan negara.Perjuangan parti politik pula bukan sahaja melihat kepada perjuangan dan kepentingan parti yang bersifat etnisiti, tetapi mesti disesuaikan dengan keperluan nasional.Tambahan pula gelombang globalisasi yang melanda negara menuntut kesatuan pemikiran dan tindakan di kalangan parti-parti politik agar kedaulatan dan kemerdekaan negara dapat dipertahankan.

Semangat solidariti penentangan orang Melayu secara menyeluruh, persatuan-persatuan Melayu telah mengadakan kongres ketiga di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.Akhbar-akhbar

Melayu seperti Utusan Melayu, Warta Malaya dan Majlis juga menyokong penuh kongres tersebut. Antara resolusi kongres ialah menghapuskan Malayan Union dan menyatukan persatuan Melayu yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Berikutan daripada kongres tersebut suatu perhimpunan diadakan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946 telah mengotak langkah kepada penubuhan rasmi UMNO. Pada 11 Mei 1946 secara rasmi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malaya National Organization) ditubuhkan. Pada 12 Mei 1946, mesyuarat agung pertama telah diadakan dengan melantik Dato' Onn bin Jaafar sebagai Yang Di-Pertua UMNO yang pertama. Justeru itu, Kongres Melayu Se-Malaya telah dibubarkan dan UMNO mengambil alih peranan bagi menentang Malayan Union. Kongres Kebangsaan Melayu telah menghasilkan resolusi menolak 'Kertas putih' perlumbaan Malayan Union. Resolusi telah dihantar kepada Perdana Menteri Britain, Clement Attlee.

Selayang Pandang pembangunan politik dan pengusaha-upaya membina sebuah negara bangsa idaman

Kedatangan semula British ke Tanah Melayu pada akhir tahun 1945 telah cuba untuk memperkenalkan satu bentuk pentadbiran yang baru iaitu Malayan Union. Sir Harold Mac Michael telah dilantik oleh British sebagai wakil untuk mendapatkan persetujuan daripada Raja-Raja Melayu mengenai rancangan penubuhan Malayan Union. Walau bagaimanapun cadangan penubuhan Malayan Union telah mendapat tentangan orang melayu kerana pentadbiran Malayan Union memperlihatkan bahawa kuasa dan Hak-Hak Raja-Raja Melayu dilucutkan. Raja hanya mempunyai kuasa dan hak Raja-Raja Melayu dilucutkan. Raja hanya mempunyai kuasa dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja. Maka orang melayu berpendapat mereka perlu bersatu demi hak-hak istimewa orang melayu dan kedaulatan raja-raja melayu.

Oleh itu pada 1-4 Mac 1946, sebanyak 41 buah persatuan Melayu telah berhimpun di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur untuk menghadiri Kongres Melayu Pertama yang diadakan bertujuan menentang Malayan Union. Oleh itu satu pertubuhan telah diasaskan bagi menyatukan semua orang melayu tanpa mengira haluan samada berhaluan kiri atau kanan dalam satu organisasi iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) ataupun United Malay National Organisation (UMNO). Inilah merupakan titik permulaan penentangan orang melayu. Namun begitu, bagi pihak British tetap mahu mengadakan penubuhan Malayan Union.

Satu mesyuarat tergempar telah diadakan pada 30 dan 31 Mac 1946 bertujuan untuk membuat keputusan berkaitan penubuhan Malayan Union telah dan perlantikan Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union. Melalui mesyuarat ini, kesepakatan telah dicapai untuk menjalankan perjuangan tidak bersenjata. Dato Onn dan beberapa pemimpin melayu telah berjaya mendesak Raja-Raja Melayu supaya memulaukan Majlis Pengistiharan Kerajaan Malayan Union dan upacara perlantikan Gabenor yang dijadualkan berlangsung pada 1 April 1946. Selain itu desakan supaya orang melayu berkabung selama tujuh hari sebagai tanda perampasan hak mereka telah mendapat sokongan padu dalam kalangan orang melayu. Dato' Onn begitu mementingkan keselamatan orang melayu, dimana beliau menasihatkan orang melayu supaya berhati-hati dalam mengambil sebarang tindakan agar tidak mendatangkan anjaya kepada bangsa sendiri.

UMNO secara rasminya ditubuhkan pada 11 Mei 1946 dan melantik Dato Onn Jaafar sebagai Yang Dipertua UMNO pertama. Perjuangan UMNO yang dipimpin Dato Onn telah berjaya menggagalkan Malayan Union. Daripada tujuan asal untuk menubuhkan Malayan Union akhirnya British bersetuju membentuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948. Namun begitu, kuasa pemerintah ini masih lagi di tangan pihak British. Jadi perjuangan Dato Onn dan beberapa pemimpin lain diteruskan bagi

menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu. Oleh itu pada tahun 1951, UMNO telah mengubah katanya cogan perjuangannya daripada “ hidup Melayu” ditukar kepada “ Merdeka”. Berikut adalah asas dan tujuan UMNO sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara.

Berikut adalah asas dan tujuan UMNO sebuah parti politik etnik melayu yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan mertabat bangsa, agama dan negara.

1. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara (Primodial)
2. Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-negeri dan Raja Berperlembagaan (Primodial+Konstruktivis)
3. Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebangsaan beragama (Primodial+Konstruktivis)
4. Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khasnya dan rakyat Malaysia amnya. (Primodial+Konstruktivis+ Instrumentalis)

Tujuan penubuhan UMNO ialah untuk memelihara kepentingan, memaju dan memperbaiki keadaan orang Melayu. UMNO yang merupakan pertubuhan politik lantang menyuarakan penentangan terhadap Malayan Union dengan mengadakan rapat umum di seluruh negara bagi menentang rancangan kerajaan British itu. Orang Melayu terus memberi sokongan kepada UMNO sehingga Parlimen British menyedarinya. UMNO telah mendapat sambutan tahun 1951. Dalam masa yang singkat, UMNO telah menjadi parti politik berhaluan kanan terbesar dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Perkembangan politik di Malaysia merupakan satu fenomena yang sangat menarik untuk dikaji dan dibincangkan.

Nasionalisme, Etno-Etnik kepada Civic Nation dalam perkembangan politik negara

Bicara dalam kertas ini memfokuskan juga tentang perkembangan kegiatan nasionalisme orang Melayu dan kegiatan politik bukan Melayu sama ada yang diiktiraf ataupun yang tidak diiktiraf oleh pihak penjajah British dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Pada peringkat awal lagi, kedatangan British dalam menguasai dan menjajah negara ini telah dihalang oleh gerakan anti-penjajahan disetiap negeri (Abdullah Zakaria Ghazali, 1982). Jelasnya, walaupun kedatangan British dengan tipu muslihat namun ia sedikitpun tidak menggoyahkan kekuatan politik untuk menentang mereka. Di sinilah muncul wira-wira dalam politik tanah air seperti Dato` Dol Said, Dato` Maharajal Lela, Dato` Sagor, Dato` Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Dato` Abd Rahman Andak, Mat Salleh, Rentap, Rosli Dhoby, Dato` Kelana dan Haji Abdul Rahman Limbong. Sesungguhnya perjuangan tokoh-tokoh terdahulu menggambarkan bahawa kemerdekaan negara ini bukan diperolehi dengan mudah, tetapi sebaliknya dengan berkorban nyawa, darah, keringat dan aor mata (Buyong Adil, 1980). Perkembangan politik di Tanah Melayu disemarakkan dengan kesedaran nasionalisme yang berasaskan kaum yang didorong oleh dasar ‘pecah dan perintah’ British sendiri.

Penegelompokan masyarakat di kawasan yang berbeza telah menanam bibit kesedaran nasionalisme. Pada peringkat awal, kegiatan mereka lebih cenderung untuk memperjuangkan kebijakan di kalangan penduduk, tetapi akhirnya bertukar corak menjadi gerakan massa untuk membangunkan masyarakat dan memperjuangkan nasionalisme di kalangan penduduk Tanah Melayu. Kesemuanya mula terkesan pada awal abad ke-20. Kesedaran nasionalisme Melayu juga disokong oleh kerterbukaan minda Orang Melayu yang menerima pendidikan dari dalam dan luar negeri. Jelasnya, golongan ulama telah

mencetuskan kepada kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu. Mereka digelar dan dikenali sebagai ‘Kaum Muda’ telah menggunakan pelbagai instrumen dan mekanisme bagi menyalurkan idealisme perjuangan yang berslogarkan “gerakan Islah Islamiyyah” (Mohd Sarim Haji Mustajab, 1982). Akhbar Al- Iman telah dijadikan saluran media utma untuk menyebarkan kesedaran agama, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan orang Melayu.

Sehubungan dengan pendidikan agama menerusi sistem pendidikan madrasah telah berkembang dengan pesat terutamay di bahagian pantai barat Tanah Melayu.Kekuatan pengaruh gerakan ini telah menyebabkan kerajaan British bertindakbalas dengan mengakan pelbagai undang-undang dan peraturan.Mulai tahun-tahun 1920-an, kesedaran politik orang Melayu telah dipelopori oleh golongan guru lulusan SITC dan juga wartawan. Golonagn terkenal dari Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian Serdang juga turut terlibat.Selain itu, mulai tahun 1930-an, golongan pentadbiran yang mendapat pendidikan dari MCKK juga melibatkan diri dalam perjuangan menerusi persatuan-persatuan negeri Melayu (William R.Roff 1978).

Kesedaran Nasionalisme di kalangan orang Cina dan India juga wujud dan berkembang dengan meluas.Walaupun pada peringkat awal, tumpuan lebih banyak diberikan kepada kegiatan ekonomi, namun lama-kelamaan masyarakat Cina dan India juga sudah mula memberi tumpuan kepada kelangsungan politik mereka di negara ini.Mereka mula menubuahkan persatuan-persatuan dan pertubuhan politik yang memperjuangkan kebijakan orang Cina dan India. Bagi politik orang Cina umpsamnya, apabila Parti Kuomintang berjaya memerintah China pada tahun 1911, cawangan parti tersebut berjaya ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1912 (Victor Purcell, 1982). Manakala perjuangan persatuan Indai yang awal lebih cenderong menjaga kebijakan masayarakat India dari ditindas dan diekspolitasi oleh syarikat-syarikat perlادangan British (Arasaratnam, 1978). Faktor luaran juga mendorong sikap dan pemikiran mereka terhadap politik Tanah Melayu. Kemerdekaan yang dicapai oleh India pada tahun 1947 dan penguasaan Parti Komunis di China pada tahun 1949,telah menyebabkan orang Cina dan India memberi penekanan secara serius terhadap Tanah Melayu. Kerajaan British pula mengiktiraf sumbangan orang Cina dan India negan menubuahkan Jabatan Hal Ehwal Orang Cina fan India sebelum Perang Dunia Kedua. Pemimpin-pemimpin masyarakat Cina dan India mula dilantik dalam Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan.Ini menggambarkan suara dan penglibatan mereka dalam pembuatan dasar kerjaan sudah mula kelihatan. Namun begitu, secara keseluruhan kesedaran politik dan nasionalisme dikalangan penduduk Tanah Melayu adalah terpisah mengikut kaum yang berasaskan perjuangan bangsa (Cheah Boon Kheng, 1984).

Secara strategik dan evolusi, penjajah British mengatur perancangan untuk menguasai dan mengkloni Tanah Melayu. Pentadbiran British bagi setiap negeri adalah berbeza malah Negeri-negeri Selat yang meliputi Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1826 adalah ditadbir secara terus oleh pihak kerajaan British dan ketiga-tiga negeri ini diiktiraf sebagai jajahan takluk mahkota British iaitu diperintah secara langsung oleh Raja British dan rakyat ketiga-tiga negeri ini dikenali sebagai rakyat British (Barbara Watson Andaya, 1983:182-233). Pihak kolonial British telah menjalankan dasar pentadbiran yang bersifat naungan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (yang ditubuhkan pada tahun 1896) iaitu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Sementara itu, negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor telah disebut sebagai negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Hakikatnya dalam pentadbiran British ini yang dinyatakan tadi adalah bersifat naungan pihak pentadbiran British telah menegekalkan institusi raja-raja Melayu iaitu sebagai simbol pentadbiran negeri.Walau bagaimanapun pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu dipegang oleh Residen dan

pegawai-pegawai British, dan Sultan serta wakilnya berhak untuk mengetahui pengisytiharan undang-undang dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Manakala bagi Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu, kekuasaan sultan dan para pembesar lebih kuat kerana pegawai British hanya bertindak sebagai penasihat sultan sahaja. Untuk menguasai sepenuhnya pentadbiran ke atas seluruh Semenanjung Tanah Melayu, kerajaan British telah menggunakan pendekatan dipolmasi ke atas Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu. Pada akhir tahun 1920-an dan 1930-an, jelas memperlihatkan kolonial British mengurangkan pemusatan kuasa ke atas pentadbiran Negeri-negeri Melayu. Kaedah pentadbiran ini dinamakan Dasar Desentralisasi.

Pengenalan kerajaan dan perlembagaan Malayan Union pada awal tahun 1946 memperlihatkan kebangkitan perjuangan orang-orang Melayu menentang cadangan tersbut. Malah cadangan tersebut telah melahirkan kesedaran kebangsaan secara menyeluruh yang tidak dapat dibendung lagi. Reaksi daripada cadangan tersebut. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan negara dan bangsa Melayu. Namun begitu, perpaduan di kalangan orang Melayu adalah tidak kental apabila Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berjuang dengan agenda berlainan iaitu menyatukan Tanah Melayu dengan gugusan kepulauan Melayu yang dikenali sebagai Indonesia Raya.

Perkara yang tidak boleh diketepikan pada waktu ini ialah usaha imigran yang dibawa oleh pihak British secara beramai-ramai untuk mendapatkan kedudukan politik dan kerakyatan dalam negara secara tetap melalui dasar kerakyatan terbuka 'jus soli'. Malayan Union merupakan suatu sistem pentadbiran dan perundagan kolonial secara terus dari kerajaan Britain. Justeru apabila wujud kesedaran di kalangan imigran ini untuk menduduki Tanah Melayu secara tetap, maka beberapa buah parti bukan Melayu telah bekerja ke arah mencapai matlamat tersebut. Hakikatnya, tuntutan ini merupakan cabaran bagi orang Melayu dan mencetuskan suasana politik yang tidak stabil di Tanah Melayu dalam tempoh 1945 hingga 1948 (Andaya, 1983:295-299).

Perkara yang perlu difahami dalam percaturan politik Tanah Melayu ialah suasana kerjasama dan perpaduan yang dianjurkan bagi mewujudkan kerjasama parti-prati perkauman Melayu, Cina dan India, kemenangan telah berpihak kepada parti Perikatan yang membolehkan Tanah Melayu menuntut kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Perbincangan dalam bahagian ini memperlihatkan tuntutan kaum masyarakat majmuk dalam politik kepartian, kemerdekaan Tanah Melayu, penyertaan Sabah dan Sarawak dalam pembinaan negara bangsa yang akhirnya mewujudkan bangsa Malaysia yang berdaulat berteraskan kepelbagaiannya etnik di negara ini.

Persatuan Politik Yang Awal

Tanah Melayu mengalami perkembangan politik yang penting pada awal abad ke-20. Pada era ini kebangkitan kesedaran kebangsaan di kalangan orang Melayu muncul dengan lebih teratur melalui aktiviti gerakan dan organisasi yang lebih terpimpin. Usaha ini timbul kerana masyarakat Melayu ingin melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran kerajaan British yang sekian lama mengokong penduduk Tanah Melayu dengan pelbagai agenda ekonomi, politik dan sosialnya. Hakikatnya, usaha ini diperkuatkan dengan kesedaran penduduk Tanah Melayu terhadap kepentingan pendidikan bila mana ramai penduduk Tanah Melayu telah menerima pendidikan agama dan sekular dari mana-mana institusi pengajian tinggi luar negara dan telah kembali ke tanah air untuk memperjuangkan hak bangsa dan negara. Golongan ini telah berjaya membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan Melayu baig menghadapi tuntutan golongan bukan Melayu dan penguasaan British dalam sistem politik di Tanah Melayu. Perubahan yang ketara dalam sistem politik Melayu adalah golongan bangsawan Melayu yang

mendapat pendidikan Inggeris telah diberi jawatan untuk berkhidmat kepada pihak British bagi memperlihatkan hubungan rapat dan taat setia kepada British. Manakala masyarakat Melayu di luar bandar mula timbul menuntut pihak British memperbaiki kedudukan dan lama kelamaan perubahan melalui pelbagai saluran dan organisasi yang ditubuhkan bagi membagkitkan kesedaran di kalangan orang Melayu (Andaya, 1983 :257-272).

Kesatuan Melayu Singapura

Kemunculan persatuan, kesatuan dan kelab di Tanah Melayu pada abad ke-19 memperlihatkan usaha dan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk membela nasib masyarakat dalam bidang sosial dan kebijakan. Bermula dengan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) oleh Mohd Eunos Abdullah pada tahun 1926 dan seterusnya kesatuan-kesatuan negeri lain pada tahun 1930-an, telah menunjukkan masyarakat Melayu telah berminat ke arah politik dan kemunculan semangat kebangsaan menjadi ketara. Tujuan penubuhan KMS ini ialah untuk menggalakaan orang Melayu supaya mengambil berat terhadap perkembangan negari serta kemajuan orang Melayu dalam bidang politik dan pendidikan. Hakikatnya, penubuhan KMS telah memberi inspirasi kepada pemimpin negeri lain untuk menubuhkan persatuan bagi setiap negeri sebagai cara untuk menjaga dan memajukan kepentingan orang Melayu (Mohd Nor Long, 1967/1968:13-25). Seterusnya tertubuhlah persatuan negeri bagi Melaka, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan. Penubuhan persatuan Melayu pada peringkat negeri ini mendukung matlamat untuk memperbaiki kemunduran orang Melayu dalam bidang pendidikan. Perkara utama yang perlu diketahui ialah, persatuan-persatuan negeri ini disertai golongan elit yang bersemangat kenegerian dan bekerjasama dengan pihak British. Dari segi semangat kesatuan politik, semangat kesatuannya masih kabur dan boleh dianggap sebagai politik kedaerahan. Keadaan ini menyebabkan kegagalan untuk menubuhkan persatuan bersifat nasional kerana setiap negeri begitu tebal dengan sifat kenegerian masing-masing (Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng, 1995:164)

Kesatuan Melayu Muda

Penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1937 oleh golongan nasionalis yang berpendidikan Melayu serta dipengaruhi oleh gerakana nasionalis Indonesia telah memperlihatkan pertubuhan politik yang bersifat agresif. KMM diasaskan oleh Ibrahim bin Haji Yaakob dan dianggotai oleh kebanyakan penuntut Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (William R. Roff, 1975). Keahlian KMM juga dianggotai oleh pelajar dari Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Kolej Pertanian Serdang. Kesedaran timbul adalah hasil daripada pensyarah dan bahan bacaan yang menggerakkan pelajar tentang semangat anti-penjajahan. Kesedaran juga timbul adalah disebabkan kerana dasar kolonial sendiri yang menjalankan diskriminasi pendidikan mengelompokkan rakyat kelas bawahan di SITC. William R. Roff, 1975 berpendapat bahawa dasar kolonial merupakan satu dasar yang dianggap sebagai 'senjata makan tuan'. Dengan kesatuan fikiran dan tenaga, golongan guru telah bergerak secara strategik dan berorganisasi untuk menuupkan semangat nasionalisme dikalangan orang Melayu.

Pergerakan KMM juga dirancang oleh pergolakan politik di Indonesia. Berikutnya pemborantkan Parti Komunis Indonesia pada tahun 1926, ramai pemimpin British milarikan diri ke Tanah Melayu. KMM bermatlamat untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dari kolonial British, mengkritik raja-raja Melayu yang gagal melindungi hak dan kepentingan orang Melayu daripada penindasan dan seterusnya melahirkan semangat kebangsaan yang meluap-luap. KMM berpendapat bahawa persatuan yang berdasarkan kepada semangat kenegerian adalah merugikan orang Melayu. Justeru itu, perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu mesti digerakkan untuk membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah daripada aspek politik, ekonomi dan sosial. Usaha seterusnya ialah menggabungkan

Tanah Melayu dan Indonesia yang dikenali sebagai ‘Melayu Raya’. Oleh kerana dasar perjuangan anti-penjajah dan anti-feudal, pergerakan KMM dikawal ketat oleh pihak penjajah. Manakala golongan elit bangsawan memainkan peranan menangkis idea perjuangan KMM daripada tersebar ke seluruh negara ini.

Gerakan KMM yang anti-penjajah serta keengganan untuk bekerjasama telah menimbulkan kebimbangan pihak British. Kerajaan British telah mengambil langkah untuk mengawal pergerakan KMM. Tindakan yang paling awal telah diambil oleh pihak British dengan memansuhkan dasar SITC pada tahun 1931. Antaranya ialah dengan persaraan Pengetua SITC O.T. Dussek, Harun Aminurrashid dihantar ke Brunei, Abdul Hadi Hassan dipindahkan ke Kelantan dan Za’ba dipindahkan ke Singapura. Sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua, para pemimpin KMM telah ditangkap dan dipenjarakan di Singapura. Akhirnya KMM dibubarkan oleh pihak British.

Semasa penjajahan Jepun, KMM dibenarkan bergiat dalam politik tetapi dikawal dengan ketat. Jepun menggunakan KMM sebagai mendapatkan sokongan daripada pihak orang Melayu. Malahan KMM juga mendapat sokongan dari pihak biokrat Melayu yang menguasai pemikiran orang Melayu pada waktu itu. Pembela Tanah Air (PETA) ditubuhkan untuk menjaga kepentingan rakyat di bawah pentadbiran Jepun. Peta juga bertujuan untuk mengumpulkan sukarelawan yang diberi latihan ketenteraan untuk menentang British jika kembali ke Tanah Melayu. PETA telah menjalankan hubungan dengan persatuan Malayan Anti-Japanese Army (MPAJA) menyebabkan ianya telah diharamkan. Manakala Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan pada tahun 1945 bertujuan untuk membina perpaduan Melayu dan menunjukkan kekecewaan terhadap kepimpinan dan pemerintahan Jepun. Kesatuan ini mencadangkan Tanah Melayu dan Indonesia mengisyiharkan kemerdekaan bersama-sama, namun belum sempat kemerdekaan diisytihar, Jepun telah menyerah kalah dan hanya Indonesia yang menisyiharkan kemerdekaan bersendirian.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Parti ini merupakan parti terawal ditubuhkan oleh orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua. PKMM ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak selepas diadakan perundingan dan persetujuan dengan beberapa kumpulan pemuda iaitu golongan Ahmad Boestamam dan golongan Mokhtaruddin Lasso (Adnan Hj Nawang, 1988:137-157). Golongan Ahmad Boestamam berfahaman sosialis, manakala golongan Mokhtaruddin Lasso merupakan berfahaman komunis. Terdapat juga kumpulan nasionalis yang diwakili oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Namun kepimpinan PKMM adalah di tangan Moktaruddin Lasso. PKMM ini telah dipengaruhi oleh PKM iaitu ramai daripada kalangan barisan kepimpinannya adalah berfahaman komunis. Matlamat parti ini ialah menentang penjajahan dan penindasan politik. Mereka menerbitkan akhbar Suara Rakyat untuk menyalurkan idea perjuangnya. Perjuangan PKMM ialah untuk menyatukan bangsa Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia serta memajukan ekonomi, kebajikan, pendidikan, kebebasan bersuara serta pertanian orang Melayu (Ahmad Boestamam, 1972:23-28).

Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS)

Untuk menggerakkan perjuangan PKMM secara strategik dan berkesan, struktur parti telah diubah dengan penubuhan sayap parti. Sayap pemuda PKMM dinamakan Angkatan Pemuda Insaf (API) telah ditubuhkan pada tahun 1946 yang membawa matlamat ‘Mereka dengan Darah’ yang membawas sosialis Melayu. Pemimpin API yang paling aktif ialah Ahmad Boestamam. Dengan semangat perjuangan yang kental dan tinggi, beliau telah menerbitkan Testament Politik API, akhirnya beliau dipenjarakan oleh

kerajaan British selama tujuh tahun. Gerakan Kumpulan wanita dipelopori oleh sayap parti yang dinamakan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Sayap parti ini ditubuhkan di Perak pada tahun 1946 yang membawa fahaman sosialis wanita Melayu dan hanya bertahan sehingga tahun 1948 sahaja. Ketuanya yang pertama ialah Aishah Ghani, dan kemudiannya digantikan oleh Shamsiah Fakeh. Hal ini menunjukkan golongan wanita juga memberi komitmen yang tinggi dalam perjuangan politik Tanah Air.

Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)

Pusat Tenaga Rakyat adalah merupakan organisasi politik orang Melayu untuk menggembeling kekuaan untuk menentang penjajahan British secara berterusan. Parti Kebangsaan Melayu Malaya adalah induk utama pergerakan PUTERA. Sayap parti PKMM iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) turut serta dalam perjuangan tersebut. PUTERA menentang laporan Jawatankuasa Kerja Persekutuan Tanah Melayu (1948) yang menunjukkan sikap bertolak ansur dengan pihak British. PUTERA telah menjalankan kerjasama dengan All Malayan Council of Joint Action (AMCJA). Perikatan PUTERA-AMCJA telah menolak perlembagaan Malayan Union dan mencadangkan gagasan Perlembagaan Rakyat. Pihak British menolak perlembagaan ini kerana British bekerjasama dengan golongan kiri yang diabbgap British bekerjasama dengan pihak komunis. Penolakan ini menyebabkan pihak PUTERA-AMCJA melancarkan mogok namun mogok ini tidak dapat sambutan di kebanyakan negeri seperti Perlis, Johor, Kelantan dan Terengganu. Kegagalan ini membuktikan gagasan Melayu Raya tidak mendapat sokongan rakyat. Menjelang tahun 1948, gabungan ini berpecah kerana Malayan Democratic Union (MDU) yang menganggotai AMCJA telah dibubarkan. Semasa kongers Melayu Se-Malaya di Johor Bahru, PKMM telah bersetuju dengan penubuhan UMNO. Namun timbul permasalahan berkaitan warna bendera UMNO, kepimpinan dan ideologi antara kedua-dua pertubuhan ini. PKMM menyatakan kecenderungan agar Tanah Melayu bergabung dengan Indonesia bagi mencapai kemerdekaan pada tahun 1949. Pertikaian ini menyebabkan PKMM keluar daripada UMNO dan membentuk PUTERA dan akhirnya bersama AMCJA golongan ini menjadi penentang UMNO. PKMM menjadi semakin lemah apabila ramai di kalangan ahlinya ditangkap oleh British.

Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50)

ASAS 50 dipelopori tokoh-tokoh sasterawan seperti Kamaluddin Muhammad (Keris Mas), Usman Awang (Tongkat Warrant), Asraf dan Masuri S.N. Golongan ini menyokong perjuangan PKMM untuk mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu dan bergabung dengan Indonesia melalui konsep 'Melayu Raya'. Proses penyatuan idea tentang gagasan tersebut tergambar dan terakam menerusi penerbitan sastera yang bercorak patriotisme dan nasionalisme.

Hizbul Muslimin

Ianya merupakan pertubuhan politik yang berdasarkan pada tahun 1948 yang bermaksud Pertubuhan Kaum Muslimin. Pengasasnya ialah Ustaz Haji Abu Bakar al-Baqir. Parti ini bercita-cita untuk menuhubkan sebuah negara Islam di tanah Melayu yang merdeka. Pertubuhan ini telah dibubarkan pada tahun 1951, golongan ini telah berusaha untuk mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu dan menjadikan agama Islam sebagai asas pemerintahan. PAS berjaya memenangi satu daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya Tanah Melayu yang pertama (Ahmat Adam, 15 November 1994:10).

Pada pilihan raya Majlis Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 1952, Pengurus Parti MCA Selangor H.S. Lee dan Ketua Jawatankuasa Kecil Pilihanraya UMNO Kuala Lumpur telah bersepakat untuk bekerjasam secara bekerjasama secara sementara dalam pilihan raya tersebut. Berdasarkan persetujuan yang telah dicapai, UMNO tidak akan bertanding di kawasan MCA dan begitu juga sebaliknya. Malah, kedua-dua pihak akan saling bantu-membantu iaitu menyokong UMNO dan MCA akan mengundi kedua-dua parti. Strategi ini telah membawa kejayaan yang cemerlang iaitu memenangi sembilan daripada 12 kerusi yang dipertandingkan dengan mendapat undi yang besar. Seterusnya pakatan UMNO dan MCA ini telah diamalkan di tempat-tempat lain bagi pilihanraya tempatan seperti di Johor, Melaka dan terbukti kemenangan berada di pihak mereka.

Kejayaan demi kejayaan yang diraih membuatkan kedua-dua pemimpin parti ini telah mempertimbangkan kesan baik dan buruk jika kerjasama ini dipanjangkan di peringkat kebangsaan. Pada tahun 1953, pemimpin UMNO dan MCA telah berunding dan akhirnya keputusan telah dicapai untuk menubuhkan Parti Perikatan UMNO-MCA untuk pilihanraya umum pertama bagi Tanah Melayu bagi menduduki Majlis Undangan Persekutuan. Pada pilihanraya pertama bagi Tanah Melayu, tiga parti terbesar yang mewakili tiga kaum Melayu, Cina dan India iaitu UMNO, MCA dan MIC telah bersepakat untuk bergabung.

Parti perikatan telah meletakkan calon-calon bagi kesemua 52 kerusi yang dipertandingkan. Pada pilihanraya ini jumlah kerusi dan pembahagian kerusi menunjukkan pengundi Melayu berjumlah 84.2% peratus, pengundi Cina 11.2% dan pengundi India 3.9%. Peratusan ini menunjukkan kelebihan yang sangat besar kepada UMNO. Namun, UMNO telah bertoleransi dengan pihak MCA dan MIC dengan membahagikan 35 kerusi (69 peratus), MCA mendapat 15 kerusi (28 peratus) dan MIC 2 kerusi (3 peratus). Usaha ini jelas menunjukkan tolak ansur bangsa Melayu yang diwakili oleh UMNO walaupun bilangan kerusi ini tidak memadai dengan jumlah pengundi bangsa Melayu pada ketika itu iaitu 50 daripada 52 kerusi kawasan yang dipertandingkan dikuasai oleh para pengundi Melayu. Hakikatnya, orang Melayu telah membuat pengorbanan besar demi perpaduan dan masa depan negara.

Hakikatnya, keputusan pilihanraya telah memihak kepada Parti Perikatan yang berjaya memperolehi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Dari sudut hubungan etnik, kemenangan ini memperlihatkan keistimewaan kerjasam antara kamu dan manifesto Parti Perikatan yang berjaya memikat hati penduduk Tanah Melayu. Manifesto Parti Perikatan ialah hasil tolak ansur dan kerjasama yang padu antara kaum di Tanah Melayu dalam usaha mempercepatkan kemerdekaan daripada pihak penjajah British (Zainal Abidin Abd Wahid, 1983:181-187).

UMNO dan Tujuannya

Tujuan penubuhan UMNO ialah untuk memelihara kepentingan, memaju dan memperbaiki keadaan orang Melayu. UMNO yang merupakan pertubuhan politik lantang menyuarakan penentangan terhadap Malayan Union dengan mengadakan rapat umum di seluruh negara bagi menentang rancangan kerajaan British itu. Orang Melayu terus memberi sokongan kepada UMNO sehingga Parlimen British menyedarinya. UMNO telah mendapat sambutan tahun 1951. Dalam masa yang singkat, UMNO telah menjadi parti politik berhaluan kanan terbesar dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Tahun 1948 adalah merupakan titik tolak kepada perubahan dan landskap politik Malaysia. UMNO telah mengubah perlumbagaannya untuk menjadikan parti siasah untuk menerajui kemerdekaan negara. Slogan UMNO telah bertukar dari Hidup Meayu kepada perjuangan kemerdekaan.

Barisan Nasional merupakan parti komponen pelbagai kaum yang diwujudkan Kerajaan Perikatan yang memerintah serta memenangi pilihanraya umum Tanah Melayu pada tahun 1955 malah telah memperolehi kuasa daripada kerajaan British berikutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Di awal penubuhannya pada tahun 1974, Barisan Nasional terdiri daripada UMNO,MCA, MIC, PAS, Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Pesaka Bumiputra dan United Sabah National Organisation(USNO). Penubuhan Barisan Nasional merupakan buah fikiran Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Tun Abdul Razak Hussein bagi mengurangkan permainan politik dan politik perkauman agar segala usaha dan tindakan ditumpukan untuk menggerakkan tenaga ke arah perpaduan dan pembangunan sosial. Barisan Nasional merupakan parti yang mendapat mandat daripada rakyat di Malaysia untuk menjalankan pemerintahan secara adil dan saksama bagi memenuhi tuntutan kemajuan bagi setiap etnik di Malaysia. Kerjasama parti-parti komponen dalam Barisan Nasional amat penting bagi memastikan kelancaran pentadbiran di Malaysia. Isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan lebih dititikberatkan oleh pemimpin dan rakyat berbanding dengan isu perkauman.

Penubuhan Barisan Nasional

Barisan Nasional merupakan parti komponen pelbagai kaum yang diwujudkan Kerajaan Perikatan yang memerintah serta memenangi pilihanraya umum Tanah Melayu pada tahun 1955 malah telah memperolehi kuasa daripada kerajaan British berikutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Pada awalnya penubuhannya iaitu pada tahun 1974, Barisan Nasional yang terdiri daripada UMNO,MCA, MIC, PAS, Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Pesaka Bumiputra dan United Sabah National Organisation (USNO) (Mauzy, Diane K.,1983). Penubuhan Barisan Nasional merupakan buah fikiran Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Tun Abdul Razak Hussein bagi mengurangkan permainan politik (politiking) dan politik perkauman agar segala usaha dan tindakan ditumpukan untuk menggerakkan tenaga ke arah perpaduan dan pembangunan sosial.

Barisan Nasional merupakan parti yang mendapat mandat daripada rakyat di Malaysia untuk menjalankan pemerintahan secara adil dan saksama bagi memenuhi tuntutan kemajuan bagi setiap etnik di Malaysia. Kerjasama parti-parti komponen dalam Barisan Nasional amat penting bagi memastikan kelancaran pentadbiran di Malaysia. Rakyat Malaysia yang bebas memilih pemimpin akan memilih kerajaan yang dirasakan layak untuk menjaga keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara melalui pilihanraya setiap lima tahun.

Perkembangan politik di Malaysia semakin berwarna-warni apabila Singapura menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Tanggapan awal tentang bahaya politik dengan kemasukan Singapura itu terserlah apabila secara tiba-tiba Lee Kuan Yew membuat pengisytiharan untuk mengadakan pilihanraya mengejut. Isu perkauman telah mula disebarluaskan. Kepimpinan Lee Kuan Yew menang besar dan mula menujuarai kepentingan orang Cina di Singapura dan di Semenanjung Malaysia. Mereka tidak mengiktirafkan MCA tetapi sebaliknya bekerjasama dengan UMNO. Keadaan ini telah meretakkan hubungan politik dalam parti Perikatan. Dalam pilihanraya yang sama, PAP turut mengambil bahagian dan menentang Perikatan. Pada masa yang sama, PAP mula memainkan isu perkauman ‘Malaysia-Malaysia’ dan tidak menghormati perlumbaan negara yang sudah lama termaktub berkaitan dengan kedudukan hak orang Melayu, bahasa Melayu, raja-raja Melayu dan agama Islam. Beberapa rusuhan kaum mula tercetus di Singapura yang melibatkan orang Melayu dan Cina. Tiga wakil Kuala Lumpur telah dihantar ke Singapura untuk meredakan ketengangan hubungan iaitu Syed Jaafar Albar, Haji Hassan Adli

dan Ali Haji Ahmad. Ali Haji Ahmad telah menyebutkan bahawa “Singapura jangan jadi Israel di Asia Tenggara”.

Akhirnya, kepimpinan Tunku Abdul Rahman telah mengambil keputusan yang drastik dan menyediakan dengan mengisytiharkan Singapura keluar daripada Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965. Walaupun terdapat pandangan yang berbeza tentang keputusan tersebut, Tunku merasakan itu adalah tindakan politik yang terbaik. Para pemimpin Perikatan berpendapat bahawa sekiranya isu Singapura terus dibiarkan, ia menjadi ‘api dalam sekam’ dan ‘duri dalam daging’, lambat laun ia akan menjadi barah dalam politik Malaysia dan mengundang bahaya politik yang lebih besar.

Kejatuhan parti dominan sebagai contoh dan tauladan terhadap UMNO

Sebagai perbandingan dengan LDP, terdapat banyak parti dominan di dunia ini telah kehilangan kuasa sebagai parti pemerintah. Sebagai contoh, Kongres di India (1977), Nacionalista di Filipina (1986), Golkar di Indonesia (1998) dan Kuomintang (KMT) di Taiwan (2000). Penjelasan mengenai kejatuhan parti dominan dihuraikan mengikut kronologi peristiwa. Intipati perbincangan ini akan dimulakan dengan kejatuhan Kongres, diikuti dengan Nacionalista, sesudah itu Golkar dan akhir sekali KMT. Secara umumnya, kejatuhan parti dominan di Asia disebabkan oleh pelbagai faktor yang kebanyakannya mempunyai persamaan antara satu sama lain. Justeru itu, adalah tidak menghairankan apabila sesuatu fenomena yang berlaku itu merupakan ulangan sejarah dari peristiwa yang terdahulu.

Parti Kongres ditubuhkan pada 1885 dan merupakan parti politik yang tertua di India. Salah satu tujuan utama penubuhan parti itu ialah untuk mendesak British agar memberi kemerdekaan kepada India. Setelah India memperolehi kemerdekaan dari British pada Ogos 1947, Jawaharlal Nehru telah dilantik menjadi perdana menteri India yang pertama dan beliau dijadikan idola dalam sistem politik India. Jawaharlal Nehru dilihat sebagai seorang pemimpin yang berkaliber kerana berjaya menyatupadukan sistem pentadbiran negara, etnik dan kasta. Kenyataan ini diperkuahkan lagi oleh Myron Weiner (1967) dengan berhujah bahawa “Congress party took seriously its ‘organizational problems’ and ‘its own rules and regulations’. This allowed the Congress in two decades after independence to incorporate individuals with different political ideologies and constituencies.”

Perebutan kuasa dan konflik dalam parti merupakan fenomena yang pasti berlaku dalam parti politik. Oleh itu, Jawaharlal Nehru mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini itu berlaku. Rajni Kothari (1964) berhujah bahawa “the concept of the Congress system to characterize the internal arrangement that permitted, during the first two decades of independence, rival interest to exist and reach compromise within the party”. Namun, keharmonian parti yang selama ini terpelihara telah tergugat selepas kematian Nehru. Justeru itu, untuk menghindarkan kemelut perebutan kuasa itu berlarutan, maka Lal Bahadur Shastri dipilih sebagai pengganti Nehru. Walau bagaimanapun, fenomena perebutan kuasa menjelma kembali selepas kematian Shastri pada 1965.

Berikutan kematian Shastri, maka Indira Gandhi telah dipilih sebagai perdana menteri India yang baru. Prestasi yang dipamerkan oleh beliau di awal pemerintahannya tidak begitu menyerlah apabila partinya gagal mencapai kecemerlangan dalam pilihan raya umum 1967. Kongres berjaya memperolehi kembali sokongan majoriti dalam Parlimen tetapi mengalami kehilangan kerusi yang banyak dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Namun, senario ini berbeza dalam pilihan raya umum 1971 apabila Kongres berjaya mendapat 352 kerusi dari 518 kerusi Parlimen dan menyusun semula pentadbiran parti di semua peringkat negeri kecuali Gujarat dan Tamilnadu. Kempen pilihan raya yang berdasarkan slogan garibi hatao (hapuskan kemiskinan) telah membantu Kongres mencapai kejayaan yang hebat.

Kemenangan Indira Gandhi dalam pilihan raya umum 1971 telah menjadikan dirinya sebagai seorang pemimpin autoritarian. Indira Gandhi tidak mempamerkan daya kepimpinan seperti ayahnya dan beliau cenderung mentadbir negara berlandaskan kepada undang-undang peribadi ciptaannya. Kenyataan ini diperkuuhkan oleh Paul Brass (1995 : 72) dengan berhujah bahawa "Mrs Gandhi took personal control of Congress affairs, rather than allowing conflicts to be resolved at lower levels as had Nehru. Decisions about the selections of chief ministers and state cabinet were made by Mrs Gandhi herself in consultation with clique of personal advisors." Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kejatuhan Kongres sebagai parti dominan dan Christopher Clandland (1997 : 25 - 27) berhujah bahawa terdapat dua faktor utama yang mengakibatkan Kongres gagal meneruskan hegemoninya. Pertama, kreadibiliti Indira Gandhi sebagai seorang pemimpin telah tercalar apabila beliau melaksanakan undang-undang darurat pada 26 Jun 1975. Pengumuman tersebut telah mendatangkan kemarahan kepada rakyat, parti pembangkang dan ahli politiknya sendiri Selain dari itu, sokongan terhadap Kongres semakin merosot apabila Indira telah mengeruhkan hubungan keakraban antara partinya dengan pengundi Muslim. Lloyd Rudolph dan Susanne Rudolph (1987) menegaskan bahawa "muslims, lower caste and scheduled caste constituents who regularly voted for the Congress, have gradually shifted their support to the Janata Dal and to various regional parties."

Kedua, Kongres menghadapi penentangan yang hebat dari bekas pemimpin politiknya sendiri. Kebanyakan pemimpin veteran Kongres yang tidak sehaluan dengan kepimpinan pusat telah bekerjasama dengan parti pembangkang dan memberi tekanan kepada Kongres. Stanley Kochanek (1968) menegaskan bahawa "factional leaders within the party defection and allied themselves with opposition parties." Oleh itu, hampir kesemua bekas perdana menteri bukan dari Kongres seperti Morarji Desai, Charan Singh, V. P. Singh, Chandra Shekar Singh, H. D. Deve Gowda dan Inder Kumar Gujral merupakan bekas ahli Kongres.

Sebagai contoh, bekas menteri pertahanan dan menteri kewangan kepada Perdana Menteri Rajiv Gandhi, V. P. Singh bersama pengikutnya telah bertindak keluar dari Kongres dan menubuhkan Jan Mocha (People's Front). Untuk memastikan Kongres tewas dalam pilihan raya berikutnya, maka Jan Mocha telah menjalankan kerjasama dengan Parti Janata (Janata Party) dan Bharatiya Lok Dal. Justeru itu, dalam pilihan raya umum 1989, Kongres di bawah kepimpinan Rajiv Gandhi telah tewas dan V. P. Singh dilantik menjadi perdana menteri.

Dengan menguasai dua pertiga majoriti dalam Parlimen dan DUN, maka Perdana Menteri Indira Gandhi berhasrat hendak mengadakan pilihan raya umum pada Mac 1977. Namun, setelah memerintah selama 20 bulan dengan mengadaptasikan undang-undang darurat, maka akhirnya Indira Gandhi gagal mengekalkan kekuasaannya sebagai pemimpin negara. Kongres (1947 – 1977) telah gagal mengekalkan hegemoninya sebagai parti dominan dan kepimpinan negara telah diambil alih oleh Morarji Desai dari Parti Janata. Menurut Harmel dan Janda (1994), mereka menegaskan bahawa salah satu faktor yang mendorong kepada kejatuhan parti dominan ialah kejutan alam sekeliling (environmental shock). Oleh itu, kejatuhan parti dominan di dunia telah menyuntik inspirasi kepada rakyat Filipina untuk menukar kerajaan pemerintah. Filipina yang diketuai oleh Ferdinand Marcos telah berkuasa selama 21 tahun (1965 – 1986) dengan mengadaptasikan sistem pemerintahan autoritarian. Nacionalista dan Parti Liberal (Liberal Parties – LP) merupakan parti politik yang telah wujud sejak Filipina mendapat kemerdekaan pada 1964. Marcos telah bertanding untuk jawatan presiden Filipina pada 1965 dan 1969 atas tiket Nacionalista dan beliau telah memenangi kedua-dua pilihan raya tersebut.

Namun, pada 23 September 1972, Marcos telah mengisytiharkan undang-undang tentera dan pengumuman tersebut telah melumpuhkan fungsi Nacionalista dan LP. Keputusan Marcos

mengenyahaktifkan fungsi partinya sendiri telah mewujudkan sistem pemerintahan secara autokrasi dan tindakannya itu boleh memberi akibat yang buruk terhadap keperibadiannya sebagai pemimpin. Marcos beranggapan bahawa dengan melaksanakan undang-undang tentera, maka beliau akan dapat memusnahkan karier musuh-musuh politiknya. Selain dari itu, Marcos sanggup melakukan apa sahaja asalkan kuasa yang dimilikinya tetap terpelihara. Menurut Jason Brownlee (2008 : 104), “regime leaders are often hostile to institutions, particularly parties, and undermine them when they prove inconvenient.” Kenyataan ini diperkuuhkan lagi oleh Atul (1994) dengan berhujah “those who are already in power ... often view institutions more as obstacles and less as facilitators of effective rule.”

Kekuasaan yang dimiliki oleh Marcos sebagai pemimpin diktator amat luas dan beliau bebas melakukan apa saja kerana tiada pihak yang boleh menghalangnya. Marcos mula mengamalkan dasar kronisme dengan melantik ahli keluarga dan orang kepercayaannya menerajui pentadbiran negara. Mark Thompson (1995) memperkuuhkan kenyataan ini dengan berhujah bahawa “Marcos did not pass state patronage around as incumbent president usually did but concentrated it in the hands of his family and friends.” Setelah Marcos merasai kedudukannya sebagai pemimpin telah stabil, maka beliau telah menghidupkan semula sistem demokrasi dengan mengadakan pilihan raya Kongres pada 1978 (Joel Rocamora 1998).

Untuk membolehkan Marcos bertanding dalam pilihan raya, maka beliau telah menubuhkan KBL (Kilusan Bagong Lipunan – New Society Movement) bagi menggantikan Nacionalista dan LP. Manakala pihak pembangkang yang dianggotai oleh 12 pemimpin parti pembangkang telah menubuhkan UNIDO (United Nationalist Democratic Opposition) dan parti tersebut diketuai oleh Jose Laurel Jr. Berdasarkan maklumat dari perisik tenteranya, Marcos berkeyakinan bahawa kekuasaan yang dimilikinya sudah kukuh. Oleh itu, beliau telah mengiktirafkan UNIDO sebagai parti pembangkang dan sekaligus menamatkan undang-undang tentera pada Januari 1981.

Dengan ketiadaan undang-undang tentera, maka kesempatan ini membolehkan Marcos mengadakan pilihan raya presiden pada 1981. Tetapi, kaedah perjalanan pilihan raya tersebut penuh dengan penipuan sehingga UNIDO memulaukannya. Ketiadaan persaingan dari UNIDO membolehkan Marcos memenangi pilihan raya tersebut tanpa bertanding. Laurel bersama anggota gabungannya terpaksa berusaha keras untuk memastikan partinya boleh mengalahkan Marcos dalam pilihan raya presiden yang seterusnya pada 1987. Walau bagaimanapun, UNIDO telah menerima khabar gembira apabila Marcos telah membuat pengumuman untuk mengadakan pilihan raya presiden pada 1986. Marcos memberitahu kepada rakyatnya bahawa “I am ready to call a snap election perhaps earlier than eight months, perhaps in three months or less than that.” Selain dari itu, Marcos tanpa ragu-ragu telah memberitahu pihak Amerika dengan berkata “you are all invited to come and we will invite members of the American Congress to please come and just see what is happening here”. Secara dasarnya, pilihan raya presiden 1986 telah memberi kemenangan kepada Marcos tetapi kemenangan tersebut telah menyebabkan Marcos kehilangan kuasa memerintah. Jason Brownlee berhujah bahawa terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kejatuhan Marcos. Pertama, Marcos telah mencipta musuhnya sendiri apabila beliau mengisyiharkan undang-undang tentera dan membubarkan Nacionalista dan LP. Kebanyakan ahli politik pembangkang merupakan sahabat Marcos dan untuk menentang beliau, mereka telah bergabung dan menubuhkan UNIDO. LDP juga mengalami fenomena yang sama seperti Marcos apabila bekas ahli politik veteran LDP, Ichiro Ozawa menubuhkan Renewal Party dan menentang LDP.

Kedua, Marcos ditentang hebat oleh kuasa rakyat apabila beliau diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai pemenang dalam pilihan raya presiden. Kuasa rakyat yang dibantu oleh anggota

tentera telah memaksa Marcos meletak jawatan sebagai presiden Filipina. Rocamora (1998) menegaskan bahawa “not until the dust had settled on February 24, over two weeks after People Power had announced its victory, did Reagan agree that Marcos had to go.” Dengan ketiadaan Marcos, maka Corazon Aquino dilantik sebagai presiden Filipina yang baru. Pelantikan beliau merupakan simbolik di atas kematian suaminya yang merupakan idola kepada rakyat Filipina manakala Laurel pula dilantik sebagai timbalan presiden. Sementara itu, Indonesia juga tidak sunyi dilanda gelombang perubahan apabila parti Golkar gagal mengekalkan statusnya sebagai parti pemerintah. Parti Golkar (Golongan Karya) ditubuhkan pada 1964 di bawah Major General Soeharto dan Golkar dikelasifikasi sebagai parti dominan kerana berjaya memerintah Indonesia selama 32 tahun (1964 – 1998). Walaupun Soeharto merupakan seorang tentera, beliau tidak berhasrat hendak memerintah Indonesia secara regim tentera. Soeharto lebih berminat mentadbir Indonesia mengikut acuannya sendiri dengan mengadaptasikan pelbagai kaedah untuk mencapai legitimasi politiknya seperti memperkenalkan pilihan raya dan berusaha untuk memulihkan kedudukan ekonomi Indonesia. Tetapi, dalam masa yang sama beliau akan memastikan sistem pentadbiran kerajaan Indonesia berjalan mengikut kehendaknya.

Sejak Soeharto dilantik menjadi presiden, beliau telah mengatur pelbagai strategi untuk memastikan partinya terus memenangi pilihan raya umum. Sebelum pilihan raya umum 1971, Suharto telah mengarahkan bahawa sistem perundangan negara seperti rang undang-undang pilihan raya dan rang undang-undang parti politik hendaklah disusun semula dan diubahsuai. Tujuannya hanyalah satu iaitu untuk memastikan Golkar terus memenangi dalam pilihan raya umum 1971 (merupakan pilihan raya ke-2 sejak 1955). Oleh itu, dalam enam pilihan raya yang dijalankan semasa zaman order baru, Golkar bukan sahaja memenangi keseluruhan pilihan raya tersebut, malahan mendapat lebih 62 % undi. (rujuk jadual 1.1). Tambahan pula, Golkar mendapat peratus pengundian yang tertinggi dalam pilihan raya umum 1997 yang juga merupakan pilihan raya yang dicemari dengan pelbagai penipuan dan tindakan ganas dari pihak berkuasa. Untuk memastikan Golkar terus berkuasa, Soeharto telah melakukan transformasi dengan menjadikan Golkar sebagai kerajaan de facto. Soeharto menyedari bahawa untuk meneruskan hegemoninya sebagai parti pemerintah, beliau tidak harus mentadbir negara secara persendirian. Oleh itu, Soeharto telah menjadikan golongan birokrat, tentera dan bukan kakitangan kerajaan sebagai komponen utama parti. Kesemua komponen tersebut mesti mempunyai satu pendirian yang sama dan strategi pengurusan yang diadaptasikan harus seragam dari peringkat pusat sehingga ke peringkat bawahan.

Jadual 1.1 Keputusan pilihan raya Indonesia, 1971 – 1997 (% pengundian)

Parti	1971	1977	1982	1987	1992	1997
Golkar	62.80	62.11	64.34	73.16	68.1	74.51
PPP	27.11	29.29	27.78	15.97	17.0	22.43
PDI	10.09	8.60	7.88	10.87	14.9	3.06

Sumber : Suryadinata (1998 : 190).

Kaedah pentadbiran Soeharto menepati ciri-ciri golongan realis seperti yang diadaptasikan oleh Machiavelli. Beliau tidak teragak-agak untuk memberi tekanan dan ugutan kepada kakitangan kerajaan supaya memberi sokongan kepada partinya. Kenyataan ini diperkuuhkan oleh Suryadinata (2007 : 335) dengan berkata “all civil servants had to pledge their loyalty to Golkar. It is thus understand why Golkar was able to exercise political hegemony for almost three decades.” Ini menyebabkan rakyat menjadi fobia dengan tekanan kerajaan dan terus memberi sokongan kepada Golkar walaupun secara hakikatnya mereka enggan berbuat demikian. Selain dari itu, slogan order baru yang diperkenalkan oleh Soeharto

telah menjadikan dirinya terlalu berkuasa. Kesemua urusan parti dan pentadbiran negara harus mendapat persetujuannya sebelum sesuatu agenda itu dilaksanakan. Dasar pecah dan perintah seperti yang dihujahkan oleh Riker (1976 : 93 – 106) dalam kajiannya mengenai politik India telah juga digunakan oleh Soeharto. Suryadinata (2007 : 335) menjelaskan bahawa “while he was able to control the military, he was unable to gain its full support. In response, he divided the military into groups, so that no group would be strong enough to challenge him.” Selain dari itu, Soeharto menyedari bahawa faktor kewangan merupakan sumber yang penting untuk memastikan Golkar berkemampuan meneruskan agenda pentadbiran negara dan melaksanakan aktiviti parti. Oleh itu, beliau telah mengamalkan dasar kronisme dengan melantik ahli keluarganya sendiri untuk mentadbir dan mengurus sistem kewangan negara (Suryadinata 1997a).

Setelah memerintah Indonesia selama 32 tahun secara de facto, akhirnya Golkar gagal meneruskan hegemoninya sebagai parti dominan. Kejatuhan Golkar sering kali dikaitkan dengan amalan rasuah, kronisme, nepotisme dan mentadbir negara secara authoritarian. Namun, Leo Suryadinata (2007 : 336) menegaskan bahawa terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kejatuhan Golkar sebagai parti dominan. Pertama, rusuhan pelajar yang diadakan secara besar-besaran telah memberi tekanan yang hebat terhadap Soeharto dan fenomena ini memaksa beliau meletak jawatan sebagai presiden. Pada mulanya, Suharto berhasrat mengekalkan kekuasaannya menerusi tindakan tentera, tetapi perbuatannya itu telah ditentang hebat oleh golongan pertengahan dan khususnya dari masyarakat pelajar. Golkar yang dibantu oleh komponennya gagal menghalang kuasa rakyat dari terus mengadakan demonstrasi untuk memaksa Suharto meletak jawatan. Kedua, golongan tentera yang selama ini memberi sokongan padu kepada Golkar telah menukar pendirian mereka. Dengan ketiadaan sokongan dari pihak tentera, maka kubu kekuatan Suharto telah runtuh. Ketua MPR (Majlis Permusyawaratan Rakyat), Harmoko telah mengeluarkan kenyataan secara terbuka dengan menyuruh Suharto agar meletak jawatan kerana khidmat beliau sudah tidak lagi diperlukan oleh rakyat Indonesia (Straits Times 6 Jun 1998). Setelah Suharto diarahkan meletak jawatan, kepimpinan negara diambil alih oleh timbalan presiden Dr B. J. Habibie. Kuomintang (KMT) juga gagal mengekalkan kehebatannya sebagai parti dominan apabila tewas dalam pilihan raya presiden 2000. KMT ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan revolusi untuk menentang dinasti Manchu di China. Namun, disebabkan KMT menghadapi konflik dalaman yang serius dengan Parti Komunis China (Chinese Communist Party) yang menguasai tanah besar China, maka parti tersebut telah memindahkan operasinya ke Taiwan pada 1949. Sejak dari 1949 sehingga kematian Jeneral Chiang Kai Shek pada 1975, KMT diklasifikasikan sebagai sebuah parti pemerintah yang mengadaptasikan sistem autoritarian.

Walaupun KMT memindahkan operasinya di Taiwan, Chiang Kai Shek lebih gemar mengekalkan aktor-aktor politik dari tanah besar China dan boleh dikatakan hampir kesemua sistem pentadbiran KMT dimonopoli oleh golongan elit dari tanah besar China. Iklim berpolitik dalam KMT terus dikekalkan walaupun Chiang Kai Shek telah digantikan oleh anaknya Chiang Ching Kuo. Chiang Ching Kuo lebih selesa mengekalkan dasar-dasar parti sebagaimana yang telah dilakukan oleh ayahnya sehingga beliau meninggal dunia pada 1988. Selepas kematian Chiang Ching Kuo, KMT diterajui oleh Lee Teng Hui yang merupakan rakyat tempatan Taiwan. Namun, di waktu Lee Teng Hui menerajui KMT, parti itu telah mengalami pelbagai perubahan liberalisasi akibat campur tangan dari Amerika Syarikat dan tertubuhnya parti pembangkang yang pertama iaitu Parti Progresif Demokratik (Democratic Progressive Party - DPP) pada 1986. (Mikael Mattlin 2006 : 72). Lee Teng Hui gagal mengekalkan hegemoni KMT sebagai parti dominan apabila beliau tewas dalam pemilihan presiden untuk kali kedua pada Mac 2000. Alaf 2000 menyaksikan peralihan kuasa dari KMT kepada DPP yang diketuai oleh Chen Shui Bian (Copper 2008 :179). Oleh itu, keagungan KMT sebagai parti dominan (1949 – 2000) telah musnah apabila parti itu kecundang dalam pilihan raya presiden. Menurut Tan (2002 : 154), terdapat empat faktor yang boleh

menjelaskan kejatuhan KMT sebagai parti dominan. Pertama, wujudnya campur tangan kerajaan Amerika Syarikat ke atas sistem politik Taiwan dan berlakunya tsunami demokrasi di penghujung 1980-an. Kedua, berlakunya perubahan kepimpinan parti pada 1998 berikutan kematian Chiang Ching Kuo. Ketiga, berlakunya persengketaan antara puak politik arus perdana dengan puak politik yang menentang arus. Keempat, berlakunya penurunan sokongan terhadap KMT dalam pilihan raya umum. Justeru itu, salah satu faktor utama yang menyebabkan kejatuhan KMT ialah terjadinya perbalahan antara puak-puak politik dan senario sedemikian juga berlaku kepada LDP sehingga mengakibatkan LDP kehilangan kuasa memerintah.

Secara kesimpulannya, sejarah telah membuktikan bahawa sesebuah parti politik dominan tidak boleh berkuasa untuk selama-lamanya. Faktor-faktor kejatuhan parti dominan sering kali disebabkan oleh ketamakan kuasa, amalan dasar kronisme, nepotisme dan menyalahgunakan kedudukan sebagai pemimpin. Secara dasarnya, kebanyakan parti dominan kehilangan kuasa kerana wujudnya penentangan dari rakyat dan kuasa rakyat boleh dikategorikan sebagai senjata yang paling berkesan untuk menyingkirkan pemimpin autoritarian. Hanya golongan pemimpin sahaja yang tidak menyedari atau mereka sengaja memperkecilkkan akan kelebihan kuasa rakyat. Selain dari itu, kejatuhan parti dominan juga disebabkan oleh pembelotan ahli parti itu sendiri. Jason Brownlee (2008 : 112) yang membuat kajian mengenai politik Filipina menegaskan bahawa “Philippines fell after only two rounds of parliamentary and presidential polls – not because of those elections themselves, but because of the underlying politics instability that yielded elite defections and electoral defeats.”

Glombang Tsunami Politik atau Ribut secawan kopi?

Kesan gelombang tsunami dalam Pilihan raya umum ke-12 telah menyebabkan Barisan Nasional (BN) dinafikan dua pertiga majoriti di parlimen dan kehilangan lima negeri dikuasai oleh pembangkang. Pelbagai faktor telah diberikan mengapa tsunami politik tersebut melanda dan dicatatkan sebagai sejarah dalam proses demokrasi di Malaysia. Kini hampir empat tahun berlalu, pelbagai strategi dilaksanakan untuk memahami kehendak dan memenangi semula masyarakat pengundi. Konsep 1 Malaysia – ‘Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan’, diperkenalkan untuk memantapkan perpaduan dan keharmonian sosial. Pelbagai transformasi politik, ekonomi dan urus tadbir negara telah diperkuuhkan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat terus dibela dan mengembalikan semula keyakin rakyat kepada kerajaan. Sehubungan itu sejahteranakah transformasi atau polisi yang diperkenalkan oleh kerajaan diterima rakyat. Adakah kemarahan terhadap kerajaan yang menyebabkan tsunami masih menebal berpandukan pilihan raya kecil, transformasi politik dan isu semasa? Kalau ya, apakah strategi atau cadangan untuk mengembalikan kepercayaan rakyat, terutamanya pengundi muda (belia), untuk bersama-sama semula menyokong kerajaan di peringkat negeri dan nasional.

Kerajaan Kuat, Pembangkang Ligat dan Pengundi Matang

Melihat 3 komponen yang perlu diberikan perhatian iaitu Kerajaan Kuat, Pembangkang Ligat dan Pengundi Matang di mana kesemuanya itu menyumbang kepada jawapan di gelanggang terakhir untuk menentukan kepimpinan dan pemerintahan negara ini adalah melalui pilihan raya. Realitinya walau sehebat mana pun sesebuah kerajaan, Pilihan Raya adalah penentu nyawanya sama ada berakhir atau kelangsungan untuk terus memimpin dan memerintah. Pertembungan akan menemukan soal Percaturan dan soal mengira peti undi. Adalah amat penting untuk belajar dan mengkaji jumlah angka. Kalau semua bertembung 5 tahun sekali makronya sebelum mengundi menjadi satu episod, mekanisme dan selepas mengundi akan membawa episod yang lain pula.

Kerajaan yang Kuat membawa maksud kepelbagaiannya variasi dan faktor ekonomi sangat penting dalam mendukung kekuatan politik. Kekuatan Governance sangat penting di dalam menguruskan pilihan raya khususnya kelancaran perjalanan pilihan raya, penguasaan media khususnya media baru. Pembangkang Ligat pula membawa makna walaupun faktor ekonomi dan kewangan terbatas, kekuatan governans juga terbatas namun pembangkang juga mempunyai kekuatan dalam menguasai media baru. Pada tahun 1999-2008 pihak pembangkang cuba untuk mengadakan ruang alternatif media dalam bentuk media baru. Pembangkang ada kekuatan dan mereka punya pengaruh untuk menentukan persepsi terhadap kerajaan yang memerintah. Realitinya dalam kerajaan akan ada kemestian kegagalan kepada sesuatu pihak, jabatan, institusi yang akan melakukan kesalahan atau gagal berkhidmat dengan cemerlang. Jadinya Pembangkang di sini mempunyai keligatan untuk menyelongkar dan membongkar kesilapan demi kesilapan pemerintah. Paling utama adalah bagaimana untuk mencari salah pemerintah akan menentukan kelangsungan semangat pembangkang untuk memainkan peranan mereka agar kelihatan relevan serta aktif. Namun pembangkang diumpamakan seperti metafora cabaran nak mendaki bukit, namun apa yang nak dibuat di atas sana adalah tidak jelas. Pembangkang subur di kawasan bandar kerana mampu mengeksplorasi komunikasi, konsumerisme dan politik yang bermain dengan idea berbanding dengan kerajaan yang memerintah.

Rakyat Bijak membawa maksud kestabilan dan keamanan adalah kerana adanya pihak rakyat menikmati satu paras kemakmuran ekonomi yang tidak semestinya bertahap sama tetapi kemakmuran ekonomi itu membuka ruang kepada rakyat untuk meluahkan ketidakpuasan hati sama ada secara bercakap melalui fizikal atau mental. Mobiliti sosial adalah merupakan satu cara untuk perubahan di dalam negara. Dan ia sangat penting dan itu adalah merupakan satu pilihan berbentuk sama ada ia secara rasional ataupun pilihan emosi. Akhirnya siapa yang mampu dipercayai samada strategi pihak kerajaan atau pembangkang yang mampu dan berupaya untuk memikat para pengundi yang turut terdiri daripada pengundi yang semakin bijak untuk membuat pilihan dan menentukan kelangsungan pemerintahan serta kelanjutan sokongan. Pengundi juga mempunyai kemampuan untuk menyampaikan mesej kepada mana-mana parti dan juga berupaya memberikan petanda kekalahan atau kemenangan kepada mana-mana pihak yang terlibat sebelum pilihan raya sebenar itu berlaku.

Menambat Keyakinan Rakyat

Terdapat pelbagai kegelisahan dan kekecewaan dalam bentuk pelbagai nada yang diluahkan. Dan ini ternyata memperlihatkan UMNO itu sebenarnya masih relevan khususnya kepada orang Melayu dan UMNO bukanlah dibenci sebenarnya. Justeru UMNO wajar melakukan langkah-langkah berikut iaitu wajib mengambil iktibar yang betul mesej dari orang Melayu, kalau tidak perasaan sayang bertukar menjadi benci dan terus tidak peduli. Kembali membetulkan visi dan halatuju- untuk transformasi UMNO kembali menjadi pilihan. Muhasabah diri dan mencari faktor kekalahan. Isunya sekarang adalah bagaimana usaha dan proses yang perlu dilakukan untuk menambat semula keyakinan rakyat dan memenangi hati mereka supaya kembali menyokong dan yakin kepada UMNO semula. Makanya UMNO perlu bermuhasabah diri, mencari faktor kekalahan, melakukan transformasi yang sewajarnya, memperbetulkan nawaitu dan halatuju, perlu agar ia kembali asas penubuhan dan matlamat perjuangan dan paling utama memikat semula hati serta sokongan rakyat. Aspek calon, permasalahan rakyat, usaha transformasi perlu dilakukan berterusan dan berkesinambungan dan bukan bersifat mee segera atau "syok sendiri" agar ia mampu untuk menarik sokongan dan kekal berkuasa untuk memerintah. Antara yang utama diketengahkan oleh Perdana Menteri adalah Gagasan 1 Malaysia.

Pembaharuan bersifat populis dan praktikal yang dikenal pasti adalah seperti berikut dalam usaha untuk menambat hati para rakyat dan mengembalikan sokongan serta kelangsungan pemerintahan:

1. ☐ Slogan 1 Malaysia- Rakyat didahulukan Pencapaian Diutamakan.
2. ☐ Key Performance Index (KPI)
3. ☐ Model Baru Ekonomi (MEB)
4. ☐ Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)
5. ☐ Kedai Rakyat 1 Malaysia (KRIM)
6. ☐ Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM)
7. ☐ Program pembangunan luar bandar, dll

Ternyata dalam membina, memulih dan memperkasa pastinya akan ada halangan dan antara halangan-halangan utama yang boleh membantutkan usaha memikat hati para rakyat bagi menjamin kelangsungan pemerintahan adalah seperti berikut yang perlu ditangani secara serius serta fokus iaitu:-

- Pepecahan dalam parti
- Sabotaj
- Calon
- Isu semasa

Dengan berdasarkan kepada sesiri pilihan raya kecil dan perhimpunan UMNO yang terbaru ternyata usaha memikat para pengundi khususnya para pengundi muda dan menambat hati rakyat jelas memperlihatkan petanda positif namun masih memerlukan usaha yang lebih gigih dari semasa ke semasa. Samada kerajaan atau pembangkang untuk memenangi pilihan raya ia memerlukan perkongsian kuasa baik kepada pihak kerajaan mahupun pembangkang. Dan mestinya perkongsian itu haruslah bersifat menang-menang kepada pihak yang bersetuju untuk mengadakan perkongsian kuasa tersebut. Soalnya berapa banyak mereka bersetuju untuk bersetuju dan bersetuju untuk tidak bersetuju itu memerlukan perundingan dan dipersetujui secara bersama oleh pihak-pihak yang terlibat. Tempoh jangka masa mengatasi 60 tahun bukanlah waktu yang lama bagi sesebuah negara, namun dalam tempoh singkat tersebut Malaysia telah berjaya mencapai banyak tanda aras kecemerlangan daripada sebuah negara yang terjajah kepada sebuah negara yang bebas merdeka, daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara industri dan daripada sebuah negara yang rata-rata warganya hidup di kawasan luar bandar dalam kemiskinan kepada negara di mana majoriti warganya di kawasan bandar dan berada di dalam kelas menengah. Parti politik UMNO sebagai sebuah parti politik terbesar memainkan peranan yang sangat utama serta penting di dalam merealisasikan transformasi ini. Salah satu sebab utama transformasi ini berjaya kerana Presiden UMNO semenjak Almarhum Tunku Abdul Rahman sehingga hari ini adalah juga Perdana Menteri Malaysia. Dalam dwikapasiti mereka sebagai ketua parti dan ketua kerajaan telah membolehkan aspirasi rakyat terbanyak didokong melalui perjuangan parti dan seterusnya diterjemahkan melalui dasar-dasar kerajaan. Tidak adil menafikan keupayaan Parti UMNO dalam proses perkembangan Demokrasi dan pembangunan negara bangsa Malaysia.

RUMUS BICARA

Kesimpulannya sebagai sebuah parti politik yang telah berpengalaman, dan juga sebagai sebuah kerajaan yang berpengalaman ternyata kebijaksanaan adalah amat-amat diperlui dalam mengorban, mengakrabi dan mencairi paksi tradisi agar dalam apa jua usaha untuk membina negara bangsa idaman dan menjadi sebuah bangsa yang maju semangat wasiat Raja-Raja Melayu dan Ba'jah' Kontrak Sosial tidak akan diketepikan demi kelangsungan politik dan memerintah negara Malaysia ini. Perkembangan politik di Malaysia jika ditinjau daripada sudut hubungan etnik memperlihatkan usaha setiap kaum bagi mencapai perpaduan walaupun menghadapi pelbagai onak dan duri dalam mencapai persefahaman dan

toleransi antara kaum. Penubuhan setiap parti politik tetap jelas memperlihatkan isu-isu yang melibatkan kepentingan etnik masing-masing. Namun begitu, pengalaman sejarah menunjukkan isu perkauman tidak boleh diperjudikan semata-mata untuk kepentingan parti dan kaum. Pihak kerajaan perlu bekerja keras melaksanakan sistem pentadbiran dan pemerintahan dengan adil, bijaksana dan berkesan berdasarkan kepada prinsip dan semangat perlumbaan Malaysia yang dikongsi bersama agar seluruh rakyat menikmati hasil kemerdekaan negara.

Perjuangan parti politik pula bukan sahaja melihat kepada perjuangan dan kepentingan parti yang bersifat etnisiti, tetapi mesti disesuaikan dengan keperluan nasional agar kemerdekaan negara mampu dipertahankan dan tidak sama sekali mengorbankan paksi tradisional yang telahpun dipersetujui dalam usaha merundingi pembinaan sebuah negara bernama Malaysia. Kebijaksanaan dalam memastikan kewujudan yang relevan dan pembangunan serta perubahan yang bersifat lestari senantiasa akan terus berlaku dengan kehendak zaman semasa, tuntutan sekeliling tanpa mengenepikan asal usul wajar dilakukan secara berterusan agar tidak mengikuti jalan-jalan yang telahpun dilalui oleh parti-parti politik otai yang lain di Asia yang hari ini menjadi seperti nota kaki di dalam rujukan-rujukan bacaan ilmiah dan mengisi lipatan pengkisahan sejarah. Nyatanya UMNO sebagai sebuah parti etnik (Primodial) dan presidennya juga menjadi Perdana Menteri Malaysia perlu untuk memenuhi dan menterjemahkan aspirasi dan dasar negara agar dapat diterimai bersama oleh etnik-etnik yang lain.

Dalam senario ini nyatanya primodial, konstruktivis dan instrumentalis akan senantiasa bercampur baur dalam memastikan agar UMNO dan para barisan Komponennya dalam Barisan Nasional terus relevan antara kepentingan etnik dan nasional. Perkembangan politik di Malaysia mempunyai sejarah dan asas-usul yang tersendiri yang bertitik tolak daripada fahaman perkauman. Fenomena ini terbentuk dalam kerangka wujudnya masyarakat majmuk di negara ini bermula pada zaman penjajahan British. Orang Melayu membentuk UMNO sebagai benteng bagi mengekang ancaman-ancaman terhadap hak-hak orang Melayu yang digugat oleh perkembangan Malayan Union yang dirancang oleh pihak penjajah British. Penubuhan MCA pula adalah sebagai tindakbalas kaum Cina terhadap zaman darurat yang melindungi kepentingan serta memberi perlindungan kepada bangsa Cina. MCA menghadapi saingan hebat daripada DAP yang majoritinya penyokongnya adalah masyarakat Cina dan merupakan parti pembangkang utama. Begitu juga dengan MIC yang mahu memastikan mereka tidak diketepikan dalam arus perdana negara, walaupun mereka merupakan golongan minoriti. PAS pula membawa prinsip mereka mengekalkan ketuanan Melayu dan Islam dan perjuangan untuk menegakkan negara Islam. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, parti-parti komponen yang sering keluar dan masuk parti gabungan Barisan Nasional terus diberi perhatian Kerajaan Persekutuan dalam usaha memantapkan gabungan pemerintahannya bagi menyalurkan hasrat kerajaan di Sabah dan Sarawak yang memiliki banyak kawasan pendalaman, terpencil dan penduduknya yang terdiri daripada pelbagai suku kaum.

Pada masa kini, kemunculan parti-parti politik seperti DAP, PAS, KEADILAN dan parti-parti kecil di Sabah dan Sarawak merupakan bukti Malaysia menjalankan sistem politik demokrasi berpalimen, kebebasan berpolitik dan bersuara melalui saluran yang betul iaitu parlimen. Rakyat memilih pemimpin yang difikirkan layak melalui pilihanraya dan wakil-wakil yang dipilih itu akan menyampaikan kehendak rakyat untuk dibincangkan di parlimen bagi memastikan kelancaran pentadbiran dan membela nasib rakyat tanpa mengira kaum. Perkembangan politik di Malaysia jika ditinjau daripada sudut hubungan etnik memperlihatkan usaha setiap kaum bagi mencapai perpaduan walaupun menghadapi pelbagai onak dan duri dalam mencapai persefahaman dan toleransi antara kaum.

Penubuhan setiap parti politik tetap jelas memperlihatkan isu-isu yang melibatkan kepentingan kaum masing-masing. Namun begitu, pengalaman sejarah menunjukkan isu perkauman tidak boleh

diperjudikan semata-mata untuk kepentingan parti dan kaum.Pihak kerajaan perlu bekerja keras melaksanakan sistem pentadbiran dan pemerintahan dengan adil, bijaksana dan berkesan berdasarkan kepada prinsip dan semangat perlembagaan Malaysia yang dikongsi bersama agar seluruh rakyat menikmati hasil kemerdekaan negara. Perjuangan parti politik pula bukan sahaja melihat kepada perjuangan dan kepentingan parti yang bersifat etnisiti, tetapi mesti disesuaikan dengan keperluan nasional,.Tambahan pula gelombang globalisasi yang melanda negara menuntut kesatuan pemikiran dan tindakan di kalangan parti-parti politik agar kedaulatan dan kemerdekaan negara dapat dipertahankan. UMNO dalam menjaga hati dan perasaan rakan-rakan komponen etnik yang lain atas nama Malaysia tetapi prioriti menjaga kepentingan etnik melayu yang menjadi teras utama di dalam perjuangannya dan andaikata ini hilang UMNO bakal dikuburkan hidup-hidup oleh etnik melayu itu sendiri. Itu hakikatnya!

Rujukan terpilih:-

Abdul Majid Salleh. 1991. Untukmu Anak Merdeka, Ipoh: Abdul Majid Salleh

Abdul Halim Mahmud. 2003. Orang Melayu Sebelum Merdeka: Satu Tinjauan. Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Asnarulhadi Abu Samah dan Jayum Jawan (ed.) (1997). Kenegaraan Malaysia , Kuala Lumpur: Aslita Sdn.Bhd.

Buyong Adil. 1985. Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, (2000). Sejarah Malaysia, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Mahathir Mohammad. 1970. The Malay dilemma. Singapore: Donald Moore.

Milne R.S. and Mauzy Diane K., (1992). Politics and Government In Malaysia. Kuala Lumpur: Federal Publications.

Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (penyunting). 2002. Politik baru dalam pilihan raya umum. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mansor Mohamad Nor dan Shamsul Amri; Monograf Hubungan Etnik ;2009

Mohd. Isa Othman. 2002. Sejarah Malaysia (1800-1963). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Norazit Selat. 1997. (Pnyt). Ekonomi dan Politik Melayu. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Mansor Mohd Noor (2007). Kajian Tingkahlaku Pengundi Belia Bandar. UUM.Tidak diterbitkan.

Mansor Mohd Noor (2007). Tingkahlaku Pengundi Pulau Pinang.UUM.Tidak diterbitkan.

Mansor Mohd Noor (2008). Kajian Tingkahlaku Pengundi di Malaysia. UUM.Tidak diterbitkan.

Mansor Mohd Noor (2008). Kajian Transformasi Politik Negeri Kedah. UUM.Tidak diterbitkan.

Norazit Selat, Hashim Awang dan Hashim Osman. 1997. (Pnyt). Meniti Zaman : Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu.

Ramlah Adam. 1998. Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu. Seri Kembangan: Penerbit Universiti Malaya, p. 307-313.

Rustam A. Sani. 2004. Ke mana nasionalisme Melayu? Kuala Lumpur: Publishing Services.

Ishak Saat. 2008. Pendidikan Negara Bangsa Malaysia. Shah Alam. Karisma. Publications

Tengku Anuar (1991). Pengetahuan Kenegaraan Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Wan Halim Wan Othman (1992).Asas hubungan etnik. Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia.

Zainal Abidin Abdul Wahid (1971). Sejarah Malaysia Se-pintas lalu, Petaling Jaya: Dewan Bahasa & Pustaka.

Zainal Abidin Abdul Wahid (1996), Malaysia: Warisan dan perkembangan (Edisi Kedua), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Abdul Wahid (1982), Negara kita-Sejarah, pentadbiran dan dasar-dasar pembangunan, Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur.